

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"Di Negara Brunei Darussalam, kita tidak membenarkan kezaliman berlaku. Kita pantangkan ia berlaku. Sesungguhnya di bumi bertuah ini, kezaliman tidak ada tempat untuknya. Ia adalah musuh kita. Kita tidak mampu untuk berkompromi dengannya". - Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1439H / 2017M.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

HADIS yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu : "Barang siapa berpuasa pada bulan Ramadan dengan sungguh-sungguh beriman dan ikhlas kerana Allah semata-mata, nescaya diampuni Allah dosa-dosanya yang terdahulu". (Hadis Riwayat Imam al-Bukhari)

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 46

17 APRIL 2021 / 1442 رمضان 4

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

TADARUS AL-QURAN GIAT DISEMARAKKAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (kanan) pada Majlis Tadarus Al-Quran, yang diadakan di kediaman Yang Berhormat. Turut hadir, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

SUNGAI BESAR, Jumaat, 16 April. - Berikutan dengan situasi pandemik COVID-19 yang terkawal di Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dapatlah kita mengadakan acara keagamaan dengan mengikut garis pandu dari pelbagai pihak yang berwajib.

Sehubungan itu, acara keagamaan terus diadakan dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan di samping meraih keberkatan

dan ganjaran pahala pada bulan yang penuh kerahmatan ini.

Justeru, Majlis Tadarus Al-Quran diadakan pada hari ini, yang berlangsung di kediaman Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, di sini.

Ke muka 4

Rebut kesempatan beramal di bulan Ramadan

Siaran Akhbar : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat, sangat-sangat gembira dengan kedatangan bulan ini. Kerana kedatangannya bukan datang kosong, tetapi datang membawa berita gembira untuk kita semua, umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana hadis riwayat Ahmad, bermaksud :

"Telah datang kepada kamu bulan Ramadan, bulan yang penuh berkat, di mana Allah telah mewajibkan kamu berpuasa di dalamnya. (Tahukah kamu) pada bulan ini Pintu-pintu Syurga dibuka dan Pintu-pintu Neraka ditutup serta para syaitan dibelenggu. Pada bulan ini juga,

terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Barang siapa yang dijauhkan dari kebajikan bulan ini, bererti dia itu jauh dari segala bentuk kebajikan".

Perkara tersebut, dijelaskan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menyampaikan Ceramah Khas bersama Mufti sempena awal Ramadan 1442H / 2021M yang disiarkan di Radio dan Televisyen Brunei, pada hari ini, 1 Ramadan 1442H bersamaan 14 April, 2021M.

Ke muka 5



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama

URBAN Bites : Dukung perniagaan tempatan Muka 3

PAMERAN kaligrafi unik jadi tarikan pengunjung Muka 26

STATISTIK COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM Maklumat setakat 16 APRIL 2021, 12.00 tengah hari 221 Jumlah kes jangkitan 117,732 Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020) 3 Jumlah kematian 16,746 Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020) 207 Jumlah kes yang sembuh 11 Kes aktif

COVID-19 : Tiada kes baharu

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tiada ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 221 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 345 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 80 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 11 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini ialah seramai 207 orang.

Ke muka 3

Jangan diabaikan langkah berjaga-jaga

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
 Bismillaahir Rahmaanir Raheem
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
 Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
 Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
 Wassalaamu 'Ala Asyaraful Mursaleen,
 Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala
 Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, Ramadan yang ditunggu-tunggu menjelang lagi. Kita umat Islam wajar bersyukur kerana dapat menyambut kedatangannya. Ramadan adalah bulan penuh berkat, yang di dalamnya turun Al-Quran dan terdapat juga satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Pada tahun sudah, kita berpuasa dalam suasana berbeza kerana penularan wabak Koronavirus, yang sehingga kini pun masih saja berlaku melanda dunia.

Di negara kita alhamdulillah, keadaan menunjukkan perkembangan yang baik, di mana wabak yang menakutkan ini, dengan izin Allah, telah dapat dikawal. Ini semua, sudah tentu akan menjadi berita gembira kepada umat Islam di negara ini khususnya, untuk melakukan ibadat puasa dalam suasana lebih sesua.

Ini tidak syak lagi, adalah merupakan rahmat kepada Brunei yang wajib disyukuri. Cara bersyukur itu tidak lain, ialah dengan melakukan ketaatan dan ibadat kepada Allah jua, di mana pada saat ini, ibadat yang sangat dituntut ialah menunaikan puasa sepanjang bulan Ramadan.

Beta berharap, kita semua akan dapat menjalani ibadat ini tanpa halangan atau gangguan, di samping juga ibadat-ibadat fardu yang lain, dan bahkan kita juga insyaaAllah boleh menggandakan ibadat-ibadat sunat, seperti membaca

Al-Quran, bersedekah dan sebagainya, yang semua itu menjanjikan pahala dan keberkatan.

Inilah cara kita orang-orang Brunei dalam menagih berkat dan rahmat. Sayugia cara ini, jangan ia diubah-ubah.

Bagaimanapun, sebagai mengambil kira situasi yang ada, semua kegiatan harian kita masih saja perlu untuk mematuhi SOP yang telah ditentukan. Jangan diabaikan langkah berjaga-jaga, selama mana keadaan memerlukan.

Kita tidak pasti, bilakah wabak ini akan berakhir dan dunia bebas daripadanya. Tidak siapa pun yang dapat meramalkannya. Oleh itu, kewajipan berjaga-jaga itu, sewajarnya diteruskan.

Semua kegiatan harian kita mustahak dengan berhemah, iaitu ketika berkumpul, beriadah, membeli-belah di tempat-tempat awam seperti pasar dan lain-lain. Jika peraturan untuk mematuhi SOP masih berjalan, maka hendaklah ia diikuti.

Kita wajar teruskan kebiasaan baharu, untuk keselamatan dan kesihatan. Kesihatan sangat penting, khususnya bagi tujuan kita menjalani ibadat puasa. Wajar bagi kita berazam untuk berpuasa genap sebulan, InsyaaAllah, niat kita yang baik ini akan diperturut oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Tidak ada sebab, situasi negara pada masa ini akan mengganggu ibadat kita. Kalau pada tahun lepas, untuk beberapa ketika, kita memang terpaksa menanggung kehadiran ke masjid, surau dan balai ibadat untuk Sembahyang Fardu Jumaat dan sembahyang-sembahyang fardu yang lain secara berjemaah serta juga Sembahyang Sunat Tarawih. Tetapi pada tahun ini alhamdulillah, situasi nampaknya tidak



TITAH Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

akan menghalang kita untuk hadir ke tempat-tempat ibadat seperti biasa, kecuali berlaku perkara-perkara di luar dugaan.

Selepas menyempurnakan puasa, kita akan memasuki pula gerbang Hari Raya. Semoga Allah akan mengurniakan kepada kita kesihatan untuk dapat merayakannya dalam keadaan aman dan selamat.

Sebelum itu, persediaan eloklah

disederhanakan sahaja, sesuai dengan keadaan dan faktor ekonomi masa kini. Berjimat dalam berbelanja adalah bererti menolong diri kita sendiri.

Akhirnya, beta dan keluarga beta, dengan amat sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan yang mulia.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG

APRIL MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
17	SABTU	4	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
18	AHAD	5	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
19	ISNIN	6	4.43	4.53	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
20	SELASA	7	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37
21	RABU	8	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37
22	KHAMIS	9	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
23	JUMAAT	10	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
32 25 °C	32 25 °C	32 26 °C
Pekan Bangar		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong		
32 25 °C	32 26 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
32 25 °C	32 26 °C	32 26 °C

Wallahualam Bissawab
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
 www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

17 APRIL 2021

ISIKAN BULAN RAMADAN UNTUK MENGHARAPKAN KEREDAAN ALLAH

HARI ini masuk hari keempat umat Islam di negara ini berpuasa. Bulan Ramadan merupakan bulan yang digalakkan untuk kita melakukan amal kebaikan dan kerja-kerja kebajikan. Masing-masing berlumba mengejar rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengerjakan Sembahyang Tarawih, bertadarus, Qiamullail dan juga bersedekah. "*Sedekah dapat menghapus dosa sebagaimana air memadamkan api*". (HR. Tirmidzi, disahihkan Al Albani dalam Shahih At Tirmidzi, 614)

Sedekah yang paling afdal adalah dengan taubat daripada dosa yang pernah dilakukan. Ia merupakan salah satu cara untuk menaik taraf segala amalan yang dilakukan. Kerana tanpa taubat, sedekah boleh menjadi sia-sia. Alhamdulillah di negara kita amalan bersedekah sering dilakukan terutama pada awal bulan puasa lagi.

Selain bersedekah, ada juga pihak-pihak yang mengadakan Majlis Berbuka Puasa khusus bagi anak-anak yatim. Majlis Berbuka Puasa ini dianjurkan untuk meraikan golongan yang kurang bernasib baik, di samping mengambil keberkatan bulan Ramadan yang mulia ini.

Di samping itu juga, pada bulan puasa juga banyak peniaga-peniaga seperti cendawan tumbuh menjual makanan, minuman dan juga barang-barang lain semata-mata untuk menambah rezeki. Bulan puasa bulan rahmat dan setentunya *kitani* semua sentiasa mengharapkan keredaan Allah jua.

Kita sedia maklum banyak pertubuhan dan juga Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) yang membuat aktiviti bagi menolong golongan yang kurang mampu dalam persediaan bulan puasa ini dan juga persiapan Hari Raya kelak. Bagi yang berkemampuan dari segi kewangan dan juga tenaga, nikmat bersedekah tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Sama ada dari segi wang ringgit bahkan tenaga membantu mereka yang dalam kesusahan tidak dapat dinilai kepuasannya.

Pada tahun ini juga bazar dan Gerai Ramadan setentunya meriah berbanding tahun lepas disebabkan pandemik COVID-19. Dalam hal ini, kita seharusnya menghargai usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19 daripada menular di negara ini.

Oleh itu, sebagai penjual dan pembeli yang bertumpu di Gerai-gerai Ramadan atau Bazar Ramadan akan sentiasa mengikut peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri Kesihatan walaupun negara kita sudah dapat mengawal pandemik tersebut. Penjarakan sosial perlu dipatuhi oleh semua. sama ada penjual atau pembeli. Ini adalah penting supaya penjarakan sosial di tempat awam dilaksanakan demi kesejahteraan serta keselamatan orang ramai.

Begitu juga dengan menjaga kebersihan diri, tempat dan persekitaran berniaga. Amalan menjaga kebersihan memang dititikberatkan dalam agama Islam apatah lagi kini berdepan dengan pandemik COVID-19 yang mengancam seluruh dunia.

Biarlah bulan puasa pada tahun ini membawa rahmat kepada kita dan juga Negara Brunei Darussalam dalam kita menunaikan ibadat berpuasa pada bulan Ramadan, segala amalan sunat seperti bersedekah seharusnya diperbanyakkan dengan satu niat, iaitu mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyunting (Ri)**

URBAN BITES : DUKUNG PERNIAGAAN TEMPATAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri) melancarkan inisiatif Urban Bites dan menyaksikan lebih dekat perniagaan makanan menggunakan trak makanan yang disertai oleh Moonlight Kitchen, Casbah London Kebab dan Bandar Bus, terletak di kawasan lapang berdekatan dengan pintu masuk utama, Ibu Pejabat Bank tersebut (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, untuk sama-sama memberikan Khamis, 15 April. - Dalam usaha sokongan terhadap perniagaan



menggunakan trak makanan (*food truck*), Bank Baiduri, hari ini melancarkan inisiatif Urban Bites yang berlangsung di Ibu Pejabat bank berkenaan, di sini.

Hadir dan seterusnya melancarkan inisiatif berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang.

Urban Bites oleh Bank Baiduri merupakan salah satu inisiatif terbaharu yang ditawarkan oleh Bank Baiduri, khususnya dalam perniagaan makanan menggunakan trak makanan yang disertai oleh Moonlight Kitchen, Casbah London Kebab dan Bandar Bus, yang terletak di kawasan lapang berdekatan dengan pintu masuk utama, ibu pejabat bank tersebut.

la dibukakan kepada orang ramai setiap hari sepanjang bulan Ramadan, bermula dari 1.00 petang hingga 7.00 malam sebagai salah satu alternatif bagi membeli jualan berbuka puasa.

Dalam ucapan alu-aluan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui menjelaskan, bahawa inisiatif Urban Bites merupakan usaha untuk menyokong usahawan tempatan dan seterusnya agenda negara.

Jelasnya, inisiatif berkenaan memberikan platform kepada peniaga-peniaga menggunakan trak makanan untuk menjalankan perniagaan mereka pada bulan Ramadan di kawasan lapang yang strategik berhadapan dengan Bank Baiduri.

"Kolaborasi di antara Baiduri Bank dan Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) ini merupakan salah satu contoh Private-Public Partnership (PPP) dalam memanfaatkan sumber dan kepakaran sedia ada untuk kebaikan masyarakat," jelasnya.

Ti Eng Hui turut menjelaskan,

■ **URBAN Bites** oleh Bank Baiduri merupakan salah satu inisiatif terbaharu yang ditawarkan oleh Bank Baiduri, khususnya dalam perniagaan makanan menggunakan trak makanan.

■ **IA** dibukakan kepada orang ramai setiap hari sepanjang bulan Ramadan, bermula dari 1.00 petang hingga 7.00 malam sebagai salah satu alternatif bagi membeli jualan berbuka puasa.

■ **INISIATIF** berkenaan memberikan platform kepada peniaga-peniaga menggunakan trak makanan untuk menjalankan perniagaan mereka pada bulan Ramadan di kawasan lapang yang strategik berhadapan dengan Bank Baiduri.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

bahawa inisiatif berkenaan akan dikembangkan sebagai aktiviti sepanjang tahun jika sekiranya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang

ramai, seterusnya akan dikembangkan lagi kepada usahawan-usahawan lain, khususnya francais jenama buatan tempatan.



KETUA Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui menyampaikan cenderahati kepada Yang Berhormat.

COVID-19 : Tiada kes baharu

Dari muka 1


Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 547 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,746 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 113 sampel

ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 117,732 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes



SUNTIKAN PADA OTOT

TIDAK MEMBATALKAN PUASA

SEBAGAIMANA FATWA YANG TELAH DIKELUARKAN OLEH YANG BERHORMAT MUFTI KERAJAAN

Tadarus Al-Quran giat disemarakkan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Uagama (empat, kanan) memimpin bacaan Ummul Kitab Surah Al-Fatihah beramai-ramai pada Tadarus Al-Quran tersebut (kanan), sementara gambar kiri, antara yang hadir menyeronangi lagi majlis berkenaan.

Dari muka 1

Juga hadir pada majlis yang penuh keberkatan itu, Timbalan Menteri Hal Ehwal Uagama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Uagama (KHEU), Awang Haji Mohammad

Rosli bin Haji Ibrahim; pengarah-pengarah; pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEU.

Turut menyeronangi majlis berkenaan ialah dengan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dan Belia-belia Masjid dari Masjid Kampung Sungai Besar; Masjid Kampung Mentiri; Masjid Hassanal Bolkiah Mentiri, Masjid

Kampung Setia Ali, Masjid Kampung Batu Marang, Masjid Kampung Sungai Buloh, Masjid Kampung Kapok dan Masjid Kampung Serdang serta pelajar-pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Acara pada petang itu dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab

Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Uagama.

Selepas itu, bacaan Tadarus Al-Quran dibacakan secara beramai-ramai dan seterusnya diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta Doa Peliharakan Sultan dan NBD yang dibacakan oleh Imam Masjid Sungai Besar,

Awang Haji Ali Hanafiah bin Haji Mahmud.

Tadarus Al-Quran merupakan amalan mulia yang dianjurkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terutama sekali pada bulan suci Ramadan. Untuk itu, jangan biarkan bulan Ramadan kali ini berlalu tanpa Tadarus Al-Quran.

KAMPUNG BELAIS, BUDA-BUDA PILIH KETUA KAMPUNG BAHARU

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Jumaat, 16 April. - Penduduk Kampung Belais dan Buda-Buda akan mempunyai ketua kampung yang baharu berikutan daripada keputusan pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok yang diadakan hari ini.

Pada majlis yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Daerah Temburong, pagi tadi, seramai 99 orang penduduk kampung daripada seramai 116 orang yang berdaftar dan layak mengundi hadir mengundi calon untuk mengisikan kekosongan jawatan Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda.

Daripada jumlah yang hadir mengundi tersebut, seramai 99 orang bersetuju dan tidak ada undi yang rosak.

Calon tunggal yang layak bagi mengisikan kekosongan jawatan Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda iaitu Awang Mohammad Afnan bin Haji Gapor berusia 30 tahun pada tarikh pencalonan dan ketika ini bertugas sebagai Pemangku Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda.

Pencalonan dan pemilihan pada tahun ini mengukir sejarah kerana calon tunggal bagi pencalonan dan pemilihan kampung adalah daripada golongan belia setakat ini bagi Daerah Temburong.

Dengan pencalonan tunggal yang merupakan seorang belia diharapkan akan dapat memimpin kampung sebagai seorang ketua kampung yang mempunyai wawasan sebagai peneraju kepada pembaharuan kampung menuju ke hadapan seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji

Hashim dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Penghulu Mukim Bokok selaku Pengerusi-Pengerusi Bersama Majlis.

Turut hadir ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Ketua-ketua Kampung di Mukim Bokok.

Sebelum pengundian dimulakan, penduduk-penduduk yang hadir juga mendengar taklimat tatacara pengundian dan pemilihan calon yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Temburong, Ampuan Noorirawaty binti Ampuan Haji Razid.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak berkata bahawa ketua kampung mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar sebagai ketua dan pemimpin masyarakat akar umbi di peringkat kampung di samping sebagai peneraju perpaduan, keharmonian, kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan serta penggerak kepada perkembangan sosio-ekonomi masyarakat kampung.

Menurutnya lagi, seorang ketua kampung juga perlu mempunyai wawasan sebagai peneraju kepada pembaharuan dan pembangunan kampung.

Walau bagaimanapun, sehabat mana seseorang ketua itu, jika



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

hanya bekerja atau bergerak seorang diri tidak mungkin akan berjaya atau maju tanpa kerjasama dan sokongan daripada setiap penduduk kampung dan juga Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Haji Emran pula berharap kepada ketua kampung supaya kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada ketua kampung yang dilantik akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya kerana ia dapat memberikan identiti serta gambaran pentadbiran Kerajaan Kebawah DYMM itu sendiri.

Yang Berhormat juga menyeru penduduk kampung khususnya Kampung Belais dan Buda-Buda supaya akan dapat memberikan sokongan dan kerjasama yang padu kepada ketua kampung yang baharu dalam sama-sama menamai dan memajukan kampung, menjaga keamanan, ketenteraman serta kesejahteraan masyarakat, di samping berusaha

mengekalkan sikap baik-baik, bekerjasama dan tolong menolong sesama kita.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung seterusnya adalah Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Puni dan Batang Tuau yang akan diadakan di Dewan Belalong, Kompleks

Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, Temburong pada Ahad, 18 April 2021.

Oleh yang demikian, penduduk-penduduk Kampung Puni, Kampung Ujong Jalan, Kampung Batang Tuau dan Kampung Seri Tanjung Belayang yang terdiri daripada rakyat Kebawah DYMM dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di Kampung Puni, Kampung Ujong Jalan, Kampung Batang Tuau dan Kampung Seri Tanjung Belayang yang berumur tidak kurang 18 tahun (pada tarikh pengundian) adalah dialu-alukan untuk mendaftar sebagai pengundi mulai 1 April 2021 hingga 17 April 2021 bertempat di rumah Pemangku Ketua Kampung Puni dan Batang Tuau dan di Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Temburong.

Penduduk-penduduk kampung juga boleh mendaftar untuk mengundi pada Ahad, 18 April 2021 mulai jam 8.00 pagi iaitu semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Puni dan Batang Tuau diadakan.



CALON ketua kampung hadir pada majlis berkenaan.

Mencari keberkatan Ramadan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (tiga, kanan) bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kanan) selaku Penaung Bersama Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah mendengarkan Ceramah Khas tersebut.

Berita dan Foto :
Ihsan Ahli Jawatankuasa
Takmir Masjid Rashidah
Sa'adatul Bolkiah



Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penaung Bersama MRSB.

Seramai 100 jemaah hadir bagi menyemarakkan ceramah tersebut.

Antara pengisian dalam ceramah tersebut ialah menekankan mengenai makna puasa, iaitu dengan menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa, seperti makan, minum dan berhubungan suami isteri pada siang hari dari terbit fajar (subuh) hingga terbenam matahari dengan niat.

Selain itu, puasa juga melatih diri kita untuk menjaga mata, telinga,

PENGARAH Pusat Pengkajian dan Penyelidikan Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi bin Dahri menyampaikan ceramah.

lidah, tangan dan kaki daripada sebarang dosa dan maksiat.

Sementara itu, sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan hidup dengan *zikrullah*.

SUNGAI AKAR, Rabu, 14 April. - Rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam memulakan ibadat puasa pada hari ini.

Pelbagai aktiviti keagamaan dilakukan bagi menyemarakkan bulan yang penuh keberkatan ini.

Antara pengisian pada hari pertama bulan Ramadan dalam merebut peluang keberkatan serta

rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, Ceramah Khas dalam merebut kemuliaan dan keistimewaan bulan Ramadan yang diadakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar.

Ceramah Khas tersebut disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengkajian dan Penyelidikan Jawi

dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi bin Dahri.

Hadir pada sesi ceramah tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin



YANG Berhormat Mufti Kerajaan ketika menyampaikan Ceramah Khas bersama Mufti sempena Awal Ramadan 1442H / 2021M, yang disiarkan di Radio dan Televisyen Brunei.

Dari muka 1

Ramadan, menurut Yang Berhormat, adalah bulan agung, bulan suci yang menyucikan dosa-dosa orang-orang bertaubat, bulan yang datang untuk mengangkat darjat orang-orang beriman yang setia dan mentaati Allah. Pada bulan ini juga, Allah menurunkan kitab-kitab-Nya, termasuk kitab suci Al-Quran, yang diturunkan pada malam kedua puluh empat Ramadan. Ada juga pendapat lain, Al-Quran turun pada hari Isnin, 17 Ramadan.

Ibadat Puasa Ramadan, tegasnya adalah bersifat amat istimewa dan tersendiri. Antara keistimewaan itu :

i. Penghapus dosa, sebagaimana hadis riwayat Muslim dan at-Tirmidzi memberitahu, maksudnya : "Adalah sembahyang lima waktu dan Sembahyang Jumaat membawa ke Jumaat yang berikutnya, serta Puasa Ramadan membawa ke Ramadan yang berikutnya, adalah penghapus dosa-dosa di antara tempoh-tempoh tersebut (apabila pelakunya menjauhi dosa-dosa

besar)".

ii. Mengundang keampunan Allah, sebagaimana hadis muttafaqun 'alaih, riwayat al-Bukhari, maksudnya : "Barang siapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan serta (dengan niat) semata-mata mengharapkan keredaan Allah, nescaya diampunkan dosa-dosanya yang terdahulu".

iii. Mendapat 'dua' kegembiraan, sebagaimana hadis muttafaqun 'alaih, riwayat al-Bukhari, maksudnya : "Bagi orang yang berpuasa itu akan mendapat 'dua' kegembiraan, Pertama : Kegembiraan apabila dia berbuka (setelah melaksanakan kewajiban puasanya) dan Kegembiraan Kedua : Apabila dengan puasanya itu dia berjumpa dengan Tuhannya".

Ibadat puasa, tegasnya lagi, pada hakikatnya ialah menahan diri daripada makan minum dan melayani keinginan-keinginan hawa nafsu semata-mata untuk meraih keredaan Allah. Ia berstatus 'rahsia' di antara hamba dengan Tuhannya.

Dalam makna, tiada siapa pun

yang dapat mengetahui adakah benar si hamba itu berpuasa ataupun tidak, hanya Allah jua sahaja yang mengetahui, di samping si hamba yang ampunya diri sendiri, sementara orang lain, tidak mengetahui. Kerana itulah kedudukan ganjaran puasa adalah tersendiri di sisi Allah.

"Ibadat puasa adalah ia rahsia di antara hamba dan Tuhannya sahaja. Mengapa ia dianggap rahsia? Kerana puasa itu tidak kelihatan kepada sesiapa pun, berbeza dengan ibadat-ibadat lain, seperti sembahyang, kita boleh nampak siapa yang sembahyang. Haji, juga boleh nampak dan dapat diketahuinya siapa yang melakukannya. Zakat, juga begitu, boleh diketahui dan nampak interaksi di antara pengeluar dan penerima zakat.

Tetapi puasa, tidak siapa pun yang boleh tahu, seseorang itu puasakah dia ataupun tidak, hanya Allah sahaja yang tahu mengenainya. Kerana itulah pahalanya adalah tersendiri, dinilai dan ditentukan oleh Allah sahaja," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat, seterusnya

REBUT KESEMPATAN BERAMAL DI BULAN RAMADAN

■ **ANTARA** keistimewaan ibadat Puasa Ramadan, Penghapus dosa; Mengundang keampunan Allah; dan Mendapat 'dua' kegembiraan.

■ **RAMADAN** dinamakan ia sebagai bulan sabar dan barang siapa menghidupkan Ramadan dengan sabar, ganjarannya adalah Syurga.

■ **REBUT** kesempatan beramal di bulan Ramadan ini, antara amal besar yang perlu dan elok dibuat itu ialah bermunajat kepada Allah dalam bentuk doa kerana doa orang yang berpuasa adalah tajam, dijamin tidak akan ditolak dan mampu menembusi pintu-pintu langit untuk diterima oleh Allah.

■ **PADA** hari kiamat kelak, puasa dan Al-Quran akan menghadap Allah Subhanahu Wata'ala untuk meminta kebenaran bagi keduanya dapat memberi syafaat (pertolongan) kepada siapa yang berpuasa dan membaca Al-Quran.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Mufti Kerajaan

menjelaskan, bahawa Ramadan, dinamakan ia sebagai bulan sabar dan barang siapa menghidupkan Ramadan dengan sabar, ganjarannya adalah Syurga.

"Bagaimana menghidupkan Ramadan dengan sabar itu? Paling atas sekali ialah melaksanakan ibadat puasa. Berjuang mematahkan pengaruh perut dan pengaruh hawa nafsu. Ini, menurut Nabi adalah perjuangan paling besar, mengalahkan perjuangan di medan perang. Kita puasa, bererti kita berjuang melawan hawa nafsu.

"Melawan pengaruh perut dan pengaruh syahwat. Perjuangan ini berlangsung selama sebulan lamanya. Kukuhkan benteng sabar itu supaya kita berjaya. Tolak segala pengaruh untuk meruntuhkannya," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin, seterusnya menyeru kita, untuk merebut kesempatan beramal di dalam bulan Ramadan ini, antara amal besar yang perlu dan elok dibuat itu, menurutnya, ialah bermunajat kepada Allah dalam bentuk doa kerana doa orang yang berpuasa adalah tajam, dijamin tidak akan ditolak dan mampu menembusi pintu-pintu langit untuk diterima oleh Allah.

"Sekarang, dunia sedang gelisah, kita sedang gelisah kerana serangan Koronavirus belum berakhir, maka mari, kita ambillah peluang keemasan ini, peluang doa terbuka luas, ayyuh! Mari kita masuki, kita datangi Allah dengan doa-doa merendahkan diri," tegasnya.

Yang Berhormat, seterusnya menjelaskan, bahawa Ibadat

Puasa dan Al-Quran selaku zikir dan doa adalah dua unsur yang hidup, bukan beku atau mati.

Pada hari kiamat kelak, jelasnya, puasa dan Al-Quran ini akan menghadap Allah Subhanahu Wata'ala untuk meminta kebenaran bagi keduanya dapat memberi syafaat (pertolongan) kepada siapa yang berpuasa dan membaca Al-Quran.

"Puasa dan Al-Quran berkata-kata pada hari Kiamat. Kedua-duanya akan menghadap Allah Ta'ala untuk meminta, supaya diberi kebenaran bagi menolong orang-orang yang berpuasa dan yang membaca Al-Quran.

Pertolongan di sini, bukan pertolongan calang-calang, tetapi pertolongan amat besar, pada hari yang tidak dapat digambarkan betapa dahsyatnya, betapa huru-harunya dan betapa ia amat-amat mengerikan, iaitu hari Kiamat. Nah! Pada ketika inilah, puasa akan tampil, Al-Quran akan tampil untuk memberikan pertolongan," tegasnya.

Semua ini, jelasnya menjadi motivasi kepada kita orang-orang Islam, supaya jangan sekali-kali terlepas ibadat puasa dan jangan sekali-kali terlepas dari membaca Al-Quran, kalau benar, kita ini berhajat kepada pertolongan keduanya, pada hari yang amat-amat sukar dan amat-amat mengerikan itu, iaitu hari Kiamat.

"Marilah kita sama-sama berazam dan berdoa, semoga kita dapat melaksanakan ibadat puasa dan membaca Al-Quran terus menerus, khususnya di sepanjang Ramadan ini," tegasnya mengakhiri ceramah.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (tengah) pada Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadan 1442 Hijrah bersamaan 2021 Masihi bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

SEMARAK BULAN RAMADAN DENGAN TADARUS AL-QURAN



TUNGKU, Khamis, 15 April. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya juga tidak ketinggalan untuk sama-sama mengadakan acara tadarus Al-Quran bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan Al-Mubarak tahun ini.

Sehubungan itu, kementerian berkenaan mengadakan Majlis

YANG Berhormat semasa menyampaikan sumbangan kepada Imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Bertadarus sempena bulan Ramadan 1442 Hijrah bersamaan 2021 Masihi, bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi

(Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Setiausaha - Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian; Pegawai-pegawai Kanan; pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis yang diselenggarakan oleh Jabatan Perbendaharaan pada tahun ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersempena bulan Ramadan.

COVID-19 : 1 kes sembuh

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tiada ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 221 orang. Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat

ini, NBD mencatatkan 344 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 80 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 11 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan pada hari ini juga, satu kes telah disahkan sembuh menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini ialah seramai 207 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 532 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,732 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 122 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 117,619 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1 bungkus Mee Segera	1385 mg	Sebig Telur Masin	1000 mg	1 sudu makan Kicap	880 mg
3 sudu makan Corne Beef	376 mg	1 bungkus kebab Keropok Ubi Kentang	295 mg	1 bungkus kebab Keropok Udang Tempatan	243 mg
120 mg		116 mg		15 mg	
1 tinjau Kentang Goreng	2.4 mg	Segeggam Kacang Tanah (Salted)	1.7 mg	3 keping Kraker Beras	1.2 mg
1/2 cawan Amping		Segeggam Kacang Tanah (Unsalted)		Sudu tekan sedentahan Pisang	

TIPS

- Pilih makanan segar dan tidak berproses
- Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam sambal dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari.

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok.

Oleh : Pg. Syi'aruddin
Pg. Dauddin
Foto : Masri Osman

JPM ADAKAN MAJLIS TAHLIL DAN MEMBACA SURAH YAA SIIN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 April. - Lebih 700 orang pegawai dan kakitangan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Antara yang hadir pada majlis berkenaan, Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Makti bin Haji Mohd. Daud dan Menteri di JPM dan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (empat, kanan) bersama Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (empat, kiri) pada Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew

bin Abdullah.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh, diikuti dengan bacaan Tahlil yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato

Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Manakala Doa Tahlil dan Peliharakan Sultan dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Majlis tahunan yang diselenggarakan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara dan Jabatan Audit berkenaan turut dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ketua-ketua Jabatan di bawah JPM.



MAJLIS turut dihadiri oleh pegawai dan kakitangan dari JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

COVID-19 : 2 kes import baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa dua kes import baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah kekal seramai 221 orang.

Kes 220, seorang lelaki, berumur 39 tahun, tiba ke negara ini dari Mesir melalui Kuala Lumpur, pada 7 April 2021.

Penyiasatan dan pengesanan kontak mengesahkan tidak ada kontak terdekat bagi kes ini memandangkan beliau dikuarantin sebaik saja tiba ke negara ini dan keseluruhan pengendalian perjalanan semasa ketibaan dan pengasingan diri mereka mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang sedia ada.

Kes 221, seorang lelaki, berumur 35 tahun, merupakan suami kepada Kes 215.

Kedua-dua mereka menjalani pengasingan diri di sebuah Pusat Pengasingan sebaik saja tiba ke negara ini, pada 24 Mac 2021. Semasa Kes 215 disahkan positif bagi virus SARS-CoV-2, pada 7 April 2021 lalu, suami beliau didapati negatif bagi virus tersebut. Walau bagaimanapun, beliau diarahkan untuk menjalani kuarantin, di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, seterusnya menjalani ujian rutin bagi virus SARS-CoV-2, pada 12 April 2021. Beliau tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 12 kes yang sedang menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan adalah dalam keadaan yang baik. Jumlah keseluruhan kes yang sembuh

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

setakat ini seramai 206 orang.

Setakat ini, sebanyak 80 kes import dicatatkan sejak kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 dilaporkan.


Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 343 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 517 orang sedang menjalani pengasingan diri

mandatori, sementara seramai 16,649 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 210 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 117,497 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



Pembayaran Zakat Fitrah Secara Dalam Talian (Online)

Informasi Perkhidmatan

Majlis Ugama Islam Brunei dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Datastream Digital Sdn Bhd (DST) melaksanakan Pembayaran Zakat Fitrah dalam talian (*online*) bermula Ramadhan 1442/ 2021 sebagai alternatif kepada kaedah konvensional yang sedia ada iaitu pembayaran zakat fitrah kepada amil-amil adalah berjalan seperti biasa

Hukum Mengeluarkan Zakat Secara Online

Merujuk Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui siri Fatwa (16/2020) Bil.24-1/2/5Ej(2) bertarikh 18 Syawal 1441 bersamaan 10 Jun 2020 telah menyatakan bahawa pembayaran zakat dalam talian adalah harus dan sah kerana ia memenuhi tatacara yang ditetapkan oleh syara' dalam pembayaran zakat

Perkhidmatan Pembayaran Zakat Fitrah Secara Online

BIBD QuickPay

Melalui platform laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama dan dihubungkan kepada Kod QR QuickPay yang disediakan

eZakat DST

Melalui pautan: <https://ezakat.dst.com.bn>

Perkhidmatan pembayaran ini bolehlah dibuat melalui platform laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama. Panduan bagi perkhidmatan ini boleh didapati di: <http://kheu.gov.bn/SitePages/ZFQP/ZFQPUtama.aspx>

www.kheu.gov.bn | kheu.brunei | 8292526 (BAKAZ)

TADARUS AL-QURAN ERAT SILATURAHIM KHEDN

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Hamzah Mohidin



SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Tadarus Al-Quran yang diadakan di Masjid Zainab, Kampung Lumut, Daerah Belait.

SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir pada Majlis Tadarus Al-Quran tersebut. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

KUALA BELAIT, Khamis, 15 April. - Majlis Tadarus Al-Quran di Bulan Ramadan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) berserta Rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan di bawahnya Tahun 1442H / 2021M merupakan salah satu usaha kementerian berkenaan dalam mendekati lagi hubungan

silaturahmi antara kementerian dengan kepimpinan akar umbi dan penduduk mukim dan kampung.

Majlis Tadarus Al-Quran tersebut diadakan di Masjid Zainab, Kampung Lumut, Daerah Belait.

Hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN),

Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud selaku Ketua Rombongan.

Majlis diselenggarakan dengan Majlis Tahliil dan Doa Arwah, diikuti dengan sumbangan wakaf bagi keperluan masjid yang disampaikan oleh Ketua Rombongan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN; Pegawai Daerah Belait; Ketua-ketua Jabatan di KHEDN; Pegawai-pegawai Kanan; pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya; Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung serta Ahli-ahli MPMK di Daerah Belait,

Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan jemaah masjid serta masyarakat kampung berdekatan.

Aktiviti seumpama itu merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan kementerian dalam meraih kemanfaatan dan pahala pada bulan Ramadan, di samping memakmurkan masjid berkenaan bersama penduduk kampung di keempat-empat daerah.



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama (dua, kiri) semasa hadir pada Majlis Tahliil berkenaan.

KIARONG, Khamis, 15 April. - Seramai 350 orang Kelas Bimbingan Muslimah seluruh negara bersama-sama merafakkan doa dan menzahirkan rasa kasih kepada Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama

Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong mengadakan Majlis Tahliil, hari ini, di sini.

Majlis tersebut juga diteruskan dengan bacaan Surah Al-Baqarah sebanyak lapan muka surat yang

Pupuk motivasi pembacaan Al-Quran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

bertujuan sebagai motivasi kepada Muslimah untuk mengamalkan pembacaan Al-Quran sehingga khatam lebih-lebih lagi majlis ini diadakan pada bulan Ramadan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi. Acara ini diadakan sebagai menzahirkan kasih kepada Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan memohon rahmat kepada Allah Subhanahu

Wata'ala kepada Al-Marhum DYT.M.

Di samping mendorong para Muslimah masjid untuk mengamalkan pembacaan Al-Quran sehingga khatam. Ia juga dihasrat untuk mengeratkan lagi silaturahmi dalam kalangan Muslimah masjid senegara.

Semoga dengan terlaksananya program ini akan melazimkan diri dengan amal-amal ibadah melalui bacaan Tahliil dan Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan.



SUASANA pada Majlis Tahliil tersebut yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.



ANTARA Muslimah yang menyertai majlis tersebut.

BANGUN PEREKONOMIAN, ERAT PERPADUAN

Berita dan Foto :
Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Setia 'A', Mukim Sungai Kebun dengan kerjasama MPK Sungai Bunga mengadakan Majlis Pembukaan Rasmi Gerai / Bazar Ramadan, yang berlangsung di Kawasan Letak Kereta, Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan perasmian berkenaan, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh.

Pada 13 Disember 2020, Majlis Menandatangani Perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MPK Setia 'A' dengan MPK Sungai Besar dimeterai di hadapan Ahli MMN selaku Penghulu Mukim Kota Batu dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh.

Antara tujuan Perjanjian MoU berkenaan dilaksanakan bagi sama-sama membangunkan



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa merasmikan dan seterusnya melawat gerai pada Majlis Pembukaan Rasmi Gerai / Bazar Ramadan, yang berlangsung di Kawasan Letak Kereta, Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri dan kanan).

kampung dan masyarakatnya dalam pelbagai bidang, seperti perekonomian, kemasyarakatan, kesukanan dan berbagai-bagai lagi.

Projek Gerai Ramadan ini adalah salah satu projek yang dilaksanakan atas semangat MoU tersebut, selain daripada projek-projek kursus dan latihan

yang dilaksanakan sebelumnya.

Sebanyak 22 petak / gerai disediakan oleh pihak penganjur, terdiri daripada penjaja kuih-muih, salaian, sayur, buah dan pakaian, terdiri daripada peniaga-peniaga yang berjaja di kawasan bahu jalan menuju ke Masjid Al-Muhtadee Billah.

Majlis antara lain bertujuan untuk



mengeratkan perpaduan dalam kalangan ahli-ahli dari kedua-dua MPK agar saling bantu membantu dan bekerjasama, selain untuk memberi ruang juga peluang dan

alternatif kepada penjaja-penjaja yang sedia ada di kawasan berdekatan dengan menamatkan mereka di kawasan yang lebih selamat juga selesai.

Gerai Ramadan jadi pilihan dapatkan juadah berbuka

Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim



ANTARA peniaga yang berjaja di Gerai Ramadan di kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong.

TUTONG, Rabu, 14 April. - Setiap kali menjelang bulan Ramadan, umat Islam di negara ini amat mudah mendapatkan juadah makanan dan minuman yang dijual di Gerai-gerai Ramadan bagi juadah berbuka puasa yang terdapat di setiap daerah yang disediakan oleh Jabatan Bandar.

Kemudahan seperti ini memudahkan orang ramai membeli juadah berbuka, sekali gus memberi manfaat kepada peniaga mikro, kecil dan sederhana untuk mendapatkan pendapatan sampingan.

Para pembeli di Gerai Ramadan ini bukan sahaja dalam kalangan mereka yang beragama Islam, malahan mereka yang berlainan agama juga berkunjung dan gemar membeli di gerai berkenaan memandangkan harga yang ditawarkan pada setiap makanan dan minuman adalah murah.

Bagi Daerah Tutong, gerai Ramadan tertumpu di kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pelita Brunei membuat tinjauan ke gerai berkenaan dan mendapati sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan, lebih-lebih lagi apabila kelihatan tempat meletakkan kereta bagi para pengunjung ke gerai berkenaan penuh sesak dan padat.

Juga kelihatan orang ramai yang datang ke gerai ini ditemani keluarga bersama anak-anak mereka dan juga kawan-kawan. Sudah tentu sebahagian mereka mendulur rasa anak-anak mereka yang lebih kecil membuat pilihan juadah sendiri untuk berbuka puasa.

Di gerai tersebut, juga didapati para peniaga bersaing sesama sendiri, memandangkan segelintir para peniaga menjual makanan dan minuman yang sama.

Awang Md. Wez bin Md. Noor, 11 tahun, semasa ditemui berkata, beliau bersama ibunya ke gerai Ramadan untuk membeli juadah berbuka puasa.

Beliau menjelaskan, pilihan juadah untuk berbuka puasa, semestinya Roti John dan Pulut Panggang, manakala minuman digemarinya ialah Air Ais Bandung.

Pupuk sifat berdikari dengan aktiviti menguntungkan



Berita dan Foto :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Apabila menjelang bulan Ramadan, sudah tentunya memberi peluang para peniaga untuk mencari sumber pendapatan lebih melalui berjaja atau berniaga di Gerai-gerai Ramadan.

Walaupun berada dalam suasana norma baharu, sudah menjadi kelaziman bagi umat Islam untuk berkunjung ke Gerai-gerai Ramadan bersama keluarga dan kawan-kawan untuk mencari juadah berbuka puasa.

Bagi bangsa lain pula, pelbagai juadah yang dijual di Gerai-gerai Ramadan merupakan suatu keistimewaan kerana hanya di bulan puasa ini sahaja mereka

boleh menyaksikan pelbagai jenis makanan dan minuman yang jarang ditemui semasa bulan-bulan biasa.

Antara lokasi yang turut menjadi tumpuan orang ramai untuk

WALAU PUN berada dalam suasana norma baharu, sudah menjadi kelaziman bagi umat Islam untuk berkunjung ke Gerai-gerai Ramadan bersama keluarga dan kawan-kawan untuk mencari juadah berbuka puasa.

mencari juadah berbuka atau penyungkaian ialah Gerai Ramadan di kawasan letak kereta berhadapan dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Lebih 40 buah petak Gerai Ramadan disediakan, disertai oleh para peniaga tempatan, pada tahun ini.

Dengan adanya gerai seumpama itu, ia dapat membuka ruang kepada para peniaga, terutama sekali golongan muda, juga memupuk sifat berdikari dan mengisi masa dengan aktiviti berfaedah juga menguntungkan.

Selain itu juga, ia memberikan kemudahan dengan jualan beraneka kuih, pelbagai makanan lauk, termasuk ayam dan ikan salai juga bermacam jenis minuman, termasuk pakaian yang terdapat di gerai itu bagi pilihan para pengunjung yang datang.



SUASANA Gerai Ramadan di kawasan letak kereta berhadapan dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja.

KETAHUI LEBIH DALAM MENGENAI SIAM SAFETECH



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke Siam Safetech (B) Sdn. Bhd. di Bangunan Na'asihah Noralam, Bandar Seri Begawan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kedutaan Diraja Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul mengadakan lawatan ke Siam Safetech (B) Sdn. Bhd. di Bangunan Na'asihah Noralam, Bandar Seri Begawan pada 12 April lalu, di sini. Pengarah Urusan dan Pasukan Pengurusan, Thiti Suwansawang mengalu-alukan kedatangan Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul, pegawai dan

seterusnya mengetuai lawatan tersebut. Puan Yang Terutama juga diberi penerangan mengenai perniagaan, visi dan dasar pengurusan sumber manusia bagi syarikat tersebut.

Siam Safetech merupakan syarikat usaha sama antara Thailand dan NBD yang khusus dalam menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan penyelenggaraan untuk pengendali stesen jana kuasa.

Tambahan lagi, syarikat ini kini dalam perjanjian perkhidmatan jangka panjang dengan kerajaan Brunei untuk membantu perkhidmatan dan penyelenggaraan stesen jana kuasa di pelbagai daerah. Ia juga merancang untuk memperluaskan usaha perniagaan ke bidang lain yang berkaitan dengan tenaga.

Untuk mencapai tujuan ini, syarikat memberi penekanan yang besar pada pembangunan sumber

manusia dengan menyediakan program latihan yang luas dan pemindahan teknologi kepada warga tempatan Brunei, serta aktiviti tambahan untuk mempromosikan keseimbangan kerja-kehidupan yang baik dan masa depan yang mampan bagi pekerja. Seramai 32 pekerja di syarikat tersebut, di mana 23 pekerja adalah pekerja tempatan.

PYT merasa gembira dengan pengembangan kerjasama antara Thailand dan NBD dalam bidang perdagangan dan pelaburan. PYT dan Pengarah Urusan juga membincangkan mengenai aktiviti kemasyarakatan bersama seperti kempen derma darah yang telah diadakan di Kedutaan Diraja Thailand sejak 2019.

2 wanita disiasat



WANITA warganegara asing ketika ditahan dan disiasat (kiri sekali dan bawah kiri).



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

KUALA BELAIT, Rabu, 14 April. - Undang-Undang, Bahagian Penguatkuasa Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan (JIPK), Kuala Belait, membuat pemeriksaan di sebuah rumah sewa pekerja asing, terletak di Jalan Kerma Negara.

Dapatan daripada hasil pemeriksaan, seorang wanita, warganegara asing, ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan dan tindakan selanjutnya kerana didapati wanita berkenaan merupakan seorang pekerja yang dilaporkan lari daripada majikan dan melanggar peruntukan di bawah Peraturan 15(1) Akta Imigresen Penggal 17, iaitu 'tinggal lebih masa di negara ini'.

Manakala seorang lagi wanita, warganegara asing, disiasat di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17, seterusnya dibawa ke bahagian yang sama untuk siasatan juga tindakan selanjutnya.

Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, JIPK akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan berpandukan pada maklumat yang ada, sama ada secara bersendirian atau bersama agensi penguatkuasaan lainnya.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, pihak jabatan mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

كسترتين كسحتين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Lindungi Diri dan Orang Sekeliling Awda dari Menjadi Sakit.

CUCI TANGAN AWDA:

- ✓ Selepas batuk atau bersin
- ✓ Apabila merawat orang yang sakit atau yang menghadapi tanda-tanda serupa dengan influenza
- ✓ Sebelum, semasa dan selepas menyediakan makanan
- ✓ Sebelum dan selepas makan
- ✓ Selepas setiap penggunaan tandas
- ✓ Apabila tangan menjadi kotor dan tidak bersih
- ✓ Selepas merawat haiwan yang sakit atau menyentuh najis haiwan

www.moh.gov.bn

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya. Dengan menghubungi talian

Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).

UTB METERAI MOU BERSAMA MSU



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada sesi bergambar ramai pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) secara maya di antara UTB dan Management and Science University (MSU).

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Teknologi Brunei

TUNGKU LINK, Jumaat 16 April. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Management and Science University (MSU) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) secara maya pada 12 April lalu sekali gus menghubungkan kedua-dua buah institusi yang masing-masing diadakan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan juga Malaysia.

Mewakili pihak UTB bagi menandatangani MoU tersebut ialah Naib Canselor, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman. Sementara itu, MSU diwakili oleh Presiden, Yang

Berbahagia Profesor Tan Sri Dato Wira Dr. Mohd Shukri Ab. Yajid. Turut hadir semasa menandatangani MoU di Kampus UTB, pegawai kanan universiti berkenaan.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden MSU diikuti dengan ucapan oleh Naib Canselor UTB.

Naib Canselor UTB menyatakan, bahawa kerjasama ini sejajar dengan visi UTB untuk menjadi Global University Impacting Society dan juga menyokong merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Kerjasama dan kolaborasi dengan institusi antarabangsa seperti MSU, merupakan salah satu penggerak utama inisiatif internalisasi," jelasnya.

"UTB mengalu-alukan MSU untuk berkolaborasi dalam bidang kepentingan bersama, mencari peluang untuk menangani berbagai-bagai cabaran," tambahnya.

Beliau mengatakan, bahawa kolaborasi universiti telah berkembang pesat, di mana ia tidak hanya memfokuskan pada komitmen lama untuk melayani kebaikan masyarakat tetapi juga membantu menarik sumber, hubungan dan pengiktirafan yang diperlukan agar institusi-institusi ini dapat bersaing dalam lingkungan.

"Kerjasama menjadi lebih penting bagi institusi untuk

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda: demam, batuk, selsema.

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan berwarna menghadap keluar.

Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikat bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

www.moh.gov.bn

menyesuaikan diri dan berkembang di tengah turun naik ekonomi, *demographic shifts* dan perkembangan teknologi," jelasnya lagi.

Acara kemudian diteruskan dengan menandatangani MoU.

Di bawah perjanjian tersebut, ia bertujuan untuk menggali kolaborasi mengenai usaha penyelidikan bersama, persidangan dan Webinar juga mobiliti pelajar dan kakitangan di antara kedua-dua buah universiti.

Jalani ibadah puasa dengan lebih selesa



Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

BERSYUKUR kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dipertemukan dengan bulan Ramadan Al-Mubarak dan diberi kesempatan menunaikan ibadah puasa serta amal ibadah yang lain pada tahun ini. Semua ini merupakan nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya. Meskipun dunia masih lagi berdepan dengan situasi pandemik COVID-19, Alhamdulillah di Negara Brunei Darussalam (NBD), ia dalam keadaan terkawal dan kita dapat melakukan ibadah dalam bulan suci Ramadan ini di masjid, surau dan balai ibadah

berbanding tahun lalu.

Perkara ini turut ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan baginda sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi, "Di negara kita, alhamdulillah, keadaan menunjukkan perkembangan yang baik, di mana wabak yang menakutkan ini, dengan izin Allah, telah dapat dikawal. Ini semua, sudah tentu akan menjadi berita gembira kepada umat Islam di negara ini khususnya, untuk melakukan ibadat puasa dalam suasana lebih selesa".

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah turut menjelaskan bahawa ini tidak syak lagi, adalah merupakan rahmat kepada Brunei yang wajib disyukuri. Cara bersyukur itu tidak lain, ialah dengan melakukan ketaatan dan ibadat kepada Allah jua, di mana pada saat ini, ibadat puasa sepanjang bulan Ramadan.

Oleh itu, sempena dengan kedatangan bulan Ramadan ini, ia adalah peluang penting untuk umat Islam meningkatkan amal ibadah dan melakukan amal kebajikan bagi sama-sama meraih keberkatan dan mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya bulan Ramadan merupakan waktu terbaik untuk kita mendidik diri kita ke arah kebaikan kerana pada bulan ini kita bukan sahaja diwajibkan untuk berpuasa dan mengawal hawa nafsu, bahkan kita dituntut untuk memperbanyakkan amalan-amalan sunat. Antara amalan-amalan sunat yang dituntut pada bulan Ramadan tersebut ialah bersahur, bersedekah, Sembahyang Sunat Tarawih, Sembahyang Sunat Witir, membaca Al-Quran, memberi makan kepada orang yang berbuka puasa dan memperbanyakkannya zikir serta selawat dan sebagainya.

Di samping itu, dalam kita melalui bulan Ramadan ini dengan melakukan dan melaksanakan berbagai-bagai perkara yang dituntut oleh ugama Islam, jangan pula kita leka dan lalai akan SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Perkara ini turut ditekankan oleh Kebawah DYMM dalam titah baginda, dengan mengambil kira situasi yang ada, semua kegiatan harian kita masih saja perlu untuk mematuhi SOP yang telah ditentukan. Jangan diabaikan langkah berjaga-jaga, selama mana keadaan memerlukan.

"Semua kegiatan harian kita mustahak dengan berhemah, iaitu ketika berkumpul, beriadah, membeli-belah di tempat-tempat awam seperti pasar dan lain-lain. Jika peraturan untuk mematuhi SOP masih berjalan, maka hendaklah ia diikuti," tegas baginda.

Walaupun kita di negara ini sudah dapat menjalani aktiviti seharian dalam suasana normal baharu, namun kita semua hendaklah sentiasa berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan mematuhi apa yang telah digariskan oleh pihak yang berkenaan. Di samping itu, dalam suasana bulan Ramadan ini sudah setentunya berbagai-bagai juadah bersungai menjadi pilihan ramai, akan tetapi dalam berbelanja tersebut hendaklah kita sentiasa bersederhana dan elakkan pembaziran.

BARANGAN SELUDUP DIRAMPAS



SEBANYAK 46 kotak daging beku, jenama Allana; dan 60 karton minuman keras yang dirampas.

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Rabu, 14 April. - Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya memberkas dua orang suspek lelaki, berumur 33 tahun dan 45 tahun, dipercayai terlibat membawa masuk sejumlah daging mentah ke negara ini tanpa sebarang kebenaran juga permit yang sah baru-baru ini.

Dalam insiden tersebut, sewaktu rondaan dan pemantauan pencegahan dijalankan oleh keanggotaan Balai Polis Bangar menemukan dua buah kenderaan dalam keadaan mencurigakan, di kawasan Jalan Labu, Daerah Temburong, pada 13 April 2021, sekitar jam 5.30 pagi.

Kedua-dua buah kenderaan tersebut ditemui berada di kawasan

Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) sedang menunggu bagi jambatan dibuka.

Pemeriksaan dan penahanan segera dijalankan ke atas salah sebuah kenderaan yang mencurigakan bersama pemandunya.

Manakala sebuah kenderaan lagi terus memcut lari bila menyedari akan kehadiran pihak Polis menghala ke kenderaannya.


Keanggotaan bertugas bertindak mengejar kenderaan tersebut dan mendapati kenderaan berkenaan terlibat dalam kemalangan, di kawasan Kampung Ujong Jalan tanpa sebarang pemandu.

Setelah pemeriksaan dijalankan ke atas kenderaan yang ditahan di kawasan Jambatan SHOAS dan menemukan sejumlah barang tegahan, iaitu sebanyak 46 kotak daging beku, jenama Allana; dan 60 karton minuman keras daripada kenderaan yang mendapat kemalangan.

Kesemua suspek berserta barang rampasan dibawa ke Balai Polis Bangar bagi siasatan awal dan diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) bagi tindakan dan siasatan selanjutnya.

PPDB ingin menyeru orang ramai untuk mengongsikan sebarang maklumat mengenai kegiatan jenayah melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.

Lencongan sementara sebahagian Jalan Gadong, Kampung Jangsak - 17 April



LENCONGAN sementara sebahagian Jalan Gadong, Kampung Jangsak secara berfasa, akan mula digunakan pada Sabtu, 17 April 2021, mulai 9.00 pagi.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 April. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan, ingin memaklumkan orang ramai, khususnya para pengguna jalan raya bahawa lencongan sementara sebahagian Jalan Gadong, Kampung Jangsak secara berfasa, akan mula digunakan pada Sabtu, 17 April 2021, mulai 9.00 pagi dan tempoh keseluruhan jalan

lencongan sementara tersebut digunakan dijangka akan mengambil masa selama lima bulan (sila rujuk peta).

Lencongan di jalan berkenaan adalah bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan kalbat *overcrossing* sepanjang 40m sedalam 3m, di jalan tersebut dapat dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para

pengguna jalan raya supaya akan dapat mengambil langkah untuk lebih berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Bagi sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan ini menerusi Talian Darussalam : 123 atau Live Channel 123 (+673 8 333123) atau Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* atau e-mel ke *pro@pwd.gov.bn*.

Operasi Selongkar : Memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Buruh



OPERASI Selongkar 74/2021 yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang (LED), Jabatan Buruh bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

■ BAGI kesalahan gagal memberikan kontrak pekerjaan secara bertulis, jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua mengikut kesalahan, di bawah Bab 10, Perintah Pekerjaan 2009.

■ KESALAHAN kelambatan pembayaran gaji, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun, iaitu di bawah Bab 39 (01), Perintah Pekerjaan 2009 dan jika sabit kesalahan, didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

■ JIKA majikan gagal memberikan Cuti Rehat dan Cuti Tahunan kepada pekerjaanya, ia boleh diambil tindakan, di bawah Bab 63 dan Bab 71, Perintah Pekerjaan 2009, jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun, iaitu didenda kompaun sebanyak BND160 bagi kesalahan pertama dan BND320 bagi kesalahan kedua.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang (Law Enforcement Division - LED), Jabatan Buruh mengadakan Operasi Selongkar 74/2021, pada 6 April 2021, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pegawai Penguatkuasa dari Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan pemeriksaan di sebuah kedai tayar di kawasan Gadong, bermula 8.45 pagi.

Hasil operasi mendapati seorang pekerja tempatan tidak diberikan kontrak pekerjaan dan lapan orang pekerja asing didapati isu kelambatan pembayaran gaji.

Bagi kesalahan gagal memberikan kontrak pekerjaan secara bertulis, jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua mengikut kesalahan, di bawah Bab 10, Perintah Pekerjaan 2009.

Seterusnya, kesalahan kelambatan pembayaran gaji, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun, iaitu di bawah Bab 39 (01), Perintah Pekerjaan 2009 dan jika sabit kesalahan, didenda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Selain itu, didapati juga majikan gagal memberikan Cuti Rehat dan Cuti Tahunan kepada pekerjaanya dan ia boleh diambil tindakan di bawah Bab 63 dan Bab 71, Perintah Pekerjaan 2009, jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun, iaitu didenda kompaun sebanyak BND160 bagi kesalahan pertama dan BND320 bagi kesalahan kedua.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja menurut kehendak Perintah Pekerjaan 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada waktunya dan memberikan tempat tinggal yang bersih.

Di samping itu juga, dinasihatkan kepada majikan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk makluman lebih lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

RAIH PAHALA DENGAN BERTADARUS

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

Pembukaan Tadarus, bertempat di kediaman Naib Yang Di-Pertua I MWNBD, di Jalan Madang, Kampung Manggis Dua, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dikepalai oleh Naib Yang Di-Pertua I MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat.

Seterusnya, diikuti dengan pembukaan bacaan tadarus dari Surah Al-Baqarah, juzuk 1, dibaca secara bergilir-gilir.

Majlis juga diselenggarakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Tahlil oleh Pengiran Hajah Rakhiah binti Pengiran Haji Abu Bakar dari Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB).

Doa Selamat dibacakan oleh Dayang Zeliha binti Haji Mohammad Ali dari Persatuan Siswazah Wanita (PSW), manakala Doa Peliharakan Sultan dan NBD, dipimpin oleh Dayang Julianawati binti Haji Hamdan dari Persatuan Kebajikan Wanita Belait.

Terdahulu, Naib Yang Di-Pertua I MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam, dalam ucapannya, antara lain menyatakan, majlis tersebut dianjurkan untuk mendekatkan diri kita dengan Al-Quran dengan memperbaiki dan menghalusi bacaan masing-masing.

Tambahnya lagi, ia juga untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan semua ahli persatuan, yang bergabung bersama MWNBD, dengan saling kunjung-mengunjungi untuk bertadarus dan sama-sama menyemak juga mempertingkatkan lagi bacaan ayat-ayat suci Al-Quran masing-masing.

Majlis ini merupakan acara tahunan Ahli-ahli MWNBD dalam sama-sama menyemarakkan lagi suasana di bulan Ramadan.

Lebih 80 ahli daripada 13 buah persatuan, yang bergabung



NAIB Yang Di-Pertua I MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat ketika berucap.

bersama MWNBD menghadiri majlis berkenaan.

Turut hadir, Yang Di-Pertua MWNBD, Naib-naib Yang Di-Pertua dan para Yang Di-Pertua dari persatuan yang bergabung bersama MWNBD.

Mereka, terdiri daripada Persatuan PERTIWI, WI, PGGMB, BISTARI, PANDU PUTERI, PKP BELAIT, BAKTI, PSW, BERGANITA, BAKANITA, PERBEKAL, PEWAJA dan Persatuan NURUL IMAN.



AHLI-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) semasa mengadakan Majlis Pembukaan Tadarus, bertempat di kediaman Naib Yang Di-Pertua I MWNBD, di Jalan Madang, Kampung Manggis Dua.

Pelbagai promosi berbuka puasa ditawarkan

Boneka RESTAURANT
RAMADHAN PROMOTION
No.3 ground floor kg sungai kebun(sebaris dobi queen)
Monday-sunday 5pm-12am **8914109**
Adult \$8
Child \$5 (5-11yrs old)

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 April. – Suasana ketibaan bulan Ramadan pada tahun lalu sememangnya berbeza disebabkan negara telah menghadapi penularan wabak COVID-19.

Disebabkan itu juga umat Islam kebanyakan berbuka puasa di rumah dan tidak kerap membeli makanan di luar termasuk untuk membeli juadah berbuka puasa atau berbuka puasa di restoran serta hotel bersama keluarga mahupun rakan-rakan.

Namun tahun ini, kebanyakan restoran dan hotel kembali dengan pelbagai tawaran atau promosi bufet Ramadan sama ada untuk berbuka puasa atau sahur yang pasti menyediakan pelbagai jenis juadah yang

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Infografik : Ihsan Boneka Steamboat & Grill Restaurant, Red Canopy Cafe

menyelerakan.

Menjelangnya bulan Ramadan, poster tawaran atau promosi bufet Ramadan terpapar di sana sini, termasuk membanjiri laman media-media sosial untuk menarik minat lebih ramai pelanggan untuk berbuka puasa di restoran mereka.

Juga tidak ketinggalan dari restoran kecil hingga hotel, semua berlumba-lumba memberikan promosi terbaik untuk hidangan juadah yang ditawarkan.

Selain itu, ia memudahkan kita untuk memilih juadah untuk

berbuka puasa dan bersahur disebabkan kekurangan masa atau keletihan selepas bekerja, ia juga menyediakan hidangan yang berbeza mengikut selera masing-masing lebih-lebih lagi semasa bulan Ramadan ini.

Justeru dalam kesempatan ini, wajar kita gunakan dengan sebaiknya agar kita terus menitikberatkan keselamatan makanan serta memilih juadah yang bersesuaian agar kita tidak melakukan pembaziran.

Red CANOPY Cafe
Festive Ramadhan
Sungkai Dinner Buffet Promotion
From 6:30pm to 8:30pm
Weekdays (Monday to Friday)
Adult : \$13.80 Child (6 to 10years old) : \$6.80
Weekend (Saturday to Sunday)
Adult : \$15.80 Child (6 to 10years old) : \$8.80
For reservations contact +673 877 2829 or +673 725 9088.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. 'Bersama Menjaga Kebersihan Alam Sekitar'. Tarikh Tutup : 21 April 2021
2. 'Meningkatkan Amalan di Bulan Ramadan'. Tarikh Tutup : 28 April 2021
3. 'Rakan Sebaya Berperanan Dalam Membentuk Jati Diri'. Tarikh Tutup : 2 Mei 2021

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MANFAATKAN RAMADAN DENGAN AMAL SOLEH



SIRI Kuliah disampaikan oleh Awang Hilman bin Haji Salim, bertajuk 'Mengejar Barakah Ramadan'.

SENGKURONG, Khamis, 15 April. - Siri Kuliah 'Hidupkan Ramadan 4.0' merupakan kesinambungan daripada Siri Kuliah 'Hidupkan Ramadan 3.0' yang diadakan pada bulan Ramadan tahun lalu.

Kuliah bersiri ini diadakan pada minggu pertama hingga minggu ketiga bulan Ramadan dan dibukakan kepada seluruh lapisan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Siri Kuliah yang pertama disampaikan oleh Awang Hilman

bin Haji Salim yang membawakan tajuk 'Mengejar Barakah Ramadan' telah berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong, hari ini di mana antara lain menjelaskan bahawa kita semestinya bersyukur berada di bulan Ramadan kerana pelbagai keistimewaan, keagungan dan fadilat yang dijanjikan oleh Allah bagi orang yang mahu mendapatkan tempat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurut beliau lagi, kita perlu berpuasa dengan sebenar-benarnya, bukan sekadar menahan lapar dan dahaga. Berpuasa supaya amalan tersebut menjadi jannah (perisai) daripada neraka Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, "Diriwayatkan dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Sesungguhnya Rasulullah pernah bersabda: "Puasa adalah perisai (dari api neraka), maka janganlah kamu berkata kotor dan bersuara keras.

"Dan apabila seseorang memaki atau mengajak berkelahi, katakan kepadanya aku sedang berpuasa. Dan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menambahkan demi Dia yang menggenggam jiwaku, bau mulut orang yang berpuasa lebih harum dari bau minyak Misk (di sisi Allah).

"Dan ia tidak makan, tidak minum

dan meninggalkan nafsunya kerana Aku, puasa adalah untuk-Ku dan Akulah yang akan membalasnya dan setiap kebaikan akan dibalas 10 kali kelipatannya," jelasnya.

Beliau berkata bahawa puasa yang menjadi syafaat di akhirat ialah puasa yang berkualiti, yang dikehendaki dan menepati syarak iaitu tidak melakukan perkara yang membatalkan dan tidak mengerjakan perkara-perkara yang mengurangkan pahala: maksiat mulut, telinga, kaki, tangan dan sebagainya di mana maksiat-maksiat tersebut akan mengurangkan kesan puasa menjadi perisai terhadap azab Allah.

Ujarnya lagi, melangkah ke bulan Ramadan ibarat masuk ke sebuah rumah, ada yang masuk dan keluar dengan tangan kosong, cuma memerhatikan di sekeliling tetapi tidak mengambil 'manfaat' atau 'kelebihan' yang dimahukan dan diperlukan, ada yang masuk dan berusaha mengambil segala kebaikan yang diingini untuk dibawa keluar.

"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berkata: "Barang siapa puasa Ramadan dengan penuh keimanan dengan mengharap reda Allah maka akan diampuni dosanya

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Instagram Kumpulan Syababul Iman
Masjid Sultan Sharif Ali

yang telah lalu.

"Daripada banyak umat Islam, kita dipilih untuk berpuasa pada bulan Ramadan, jadi kita patut merasa beruntung diberi peluang dan taufik untuk berpuasa pada bulan Ramadan, kita juga tidak sepatutnya merasa sombong. Kita perlu banyak memohon pertolongan dari Allah untuk melakukan amal soleh kerana dan semua yang kita mampu buat adalah atas izin, hidayah dan taufik Allah, oleh itu banyakkannya bersyukur ke hadirat Allah.

"Jadi kita perlu cuba sedaya upaya untuk meraih apa saja kebaikan yang ada di bulan Ramadan dan memohon daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk memberi kita kekuatan," tambahnya.

Katanya lagi iaitu dalam firman Allah: "Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa". (QS. Al-Baqarah: 183).

Antara perkara yang ingin

diterapkan oleh Allah di dalam bulan Ramadan iaitu taat kepada Allah dan meninggalkan kemaksiatan pada waktu sunyi mahupun terang-terangan (agar bertakwa), kita perlu memastikan yang *kitani* menjaga (hak-hak) Allah di mana dan sama siapa pun kita dan juga jangan tinggalkan amalan-amalan kerana ingin mengejar dunia (berbelanja atau sebagainya), sebagai contoh, biasa membaca Al-Quran dalam tiga muka surat jadi satu muka surat atau lebih teruk, langsung tidak ada.

Siri kuliah ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan menghidupkan bulan Ramadan dengan ibadah dan majlis ilmu dan menjadikan bulan Ramadan sebagai langkah permulaan ke arah perubahan yang lebih baik.

Antara lain juga menghadirkan perasaan ingin merebut kelebihan-kelebihan pada bulan Ramadan dan sebagai langkah mengimarahkan masjid serta mengeratkan silaturahmi.

Mengasah lagi hafazan ayat Al-Quran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SERASA, Jumaat, 16 April. - Dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, "Barang siapa yang bersolat bersama imam sehingga selesai, Allah akan catatkan untuknya seolah-olah bersolat sepanjang malam". (Hadis Riwayat At-Tirmizi, 806 dan dinilai sahih oleh Shaikh Al-Albani).

Dalam bulan Ramadan yang mulia ini, kita dituntut untuk melaksanakan Sembahyang Sunat Tarawih yang tidak ada dalam bulan-bulan yang lain secara berjemaah atau bersendirian. Hukum mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih adalah Sunnah Muakkad (sunat yang dituntut).

Untuk menarik lebih ramai jemaah hadir bersembahyang Tarawih di masjid-masjid selalunya pihak Jabatan Hal Ehwat Masjid akan mengundang beberapa pelajar tahfiz untuk menjadi imam. Hal ini dapat menarik minat jemaah mendengar alunan bacaan ayat suci Al-Quran.

Bagi imam muda yang ditugaskan di Masjid Kampung Sinaut, Tutong, Muhammad Nur Safwan bin Awang Ali menyatakan, bahawa rasa sangat bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi kesempatan untuk menjadi Imam Sembahyang Sunat Tarawih di Masjid Kampung Sinaut, Tutong pada tahun ini. Memandangkan pada tahun lepas, Sembahyang Sunat Tarawih ditiadakan disebabkan penularan wabak COVID-19.

"Pada awalnya, cabaran yang saya alami adalah perasaan gementar dan cemas tetapi saya dapat melalui dengan penuh keyakinan atas sokongan dan pertolongan serta tunjuk ajar

guru-guru Al-Quran, imam, bilal dan keluarga saya sendiri," jelasnya.

Terangnya lagi, persediaan awal adalah untuk tidak berhenti mengulangi ayat-ayat suci Al-Quran untuk masa-masa yang akan datang, sama ada untuk duniawi mahupun ukhrawi.

Pengajaran yang kedua adalah ia mengajar beliau untuk menjadi lebih berani dan berkeyakinan diri untuk menjadi imam pada masa akan datang serta berhadapan di khalayak umum.

"Saranan saya kepada mereka yang baru pertama kali menjadi Imam Sembahyang Sunat Tarawih adalah supaya dapat mengambil pengajaran dan cabarannya serta dapat memperbaiki lagi bacaan dan hafazan dan membuat persediaan untuk masa yang akan datang," ujarnya.

Manakala bagi imam muda yang ditugaskan di Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Tutong, Muhammad Hafizul Haziq bin Muhd. Shahrin menjelaskan, bahawa cabaran yang dihadapi semasa menjadi Imam Sembahyang Sunat Tarawih adalah membahagikan masa untuk mengulangi ayat Al-Quran dan juga suara. Sebelum menjadi imam, perlulah mengulang kaji surah yang akan dibawa pada saat menjadi Imam Sembahyang Sunat Tarawih.

Dalam masa yang sama, beliau juga perlu mengulang kaji Al-Quran untuk hafazan dan perlu tasmie' kepada Guru-guru di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah (ITQSHHB). Manakala dari segi suara pula, beliau perlu menghadkan juadah



MUHAMMAD Hasif bin Haji Abdullah (kiri); **Muhammad Hafizul Haziq bin Muhd. Shahrin** (tengah) dan **Muhammad Nur Safwan bin Awang Ali** (kanan) semasa ditemu bual.

berbuka puasa.

Ini kerana jika memakan terlalu banyak makanan, dikhuatiri suara tidak mencukupi khususnya ketika saat melafazkan hafazan Al-Quran semasa menjadi imam.

"Kepada Pelajar-pelajar ITQSHHB yang baru pertama kali menjadi imam, saranan saya adalah ambillah kesempatan menjadi imam ini sebagai satu manfaat. Dengan ini kita dapat mengulang kaji Al-Quran dan memantapkan lagi hafazan kita. Dalam pada masa yang sama juga, kita dapat dakwah pemuda-pemuda di masjid untuk mula mencintai Al-Quran," jelasnya.

Sementara bagi imam muda yang ditugaskan Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Muhammad Hasif bin Haji Abdullah menjelaskan bahawa berasa sangat bersyukur kerana diberi kesempatan menjadi Imam Sembahyang Sunat Tarawih di masjid berkenaan.

"Cabaran yang saya hadapi ialah dalam membahagikan masa untuk mengulang Al-Quran untuk Sembahyang Sunat Tarawih dan untuk Kelas Al-Quran di sekolah,

pengajaran yang saya dapat ialah ia membuat saya lebih yakin dan berani untuk menjadi Imam pada masa akan datang.

"Peranan saya untuk yang akan menjadi imam adalah supaya selalu mengulang Al-Quran supaya tidak berasa gementar dan dapat

memperbaiki bacaan ketika menjadi imam," jelasnya lagi.

Menurut imam-imam muda ini lagi, cara untuk memilih imam yang berkebolehan, tergantung kepada guru-guru Al-quran, mereka boleh dinilai dan dilantik dari segi hafazan dan bacaan pelajar-pelajar mereka.



فجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI 1 BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn

PSG
PERKHIDMATAN



MANFAATKAN BULAN RAMADAN DENGAN IBADAH

sesungguhnya dalam sahur itu mempunyai berkat". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Selain itu, sunat melambatkan sahur sehingga hampir waktu fajar iaitu kira-kira pada kadar membaca 50 ayat Al-Quran sebelum terbit fajar. Antara tujuannya ialah demi memendekkan masa untuk menahan diri daripada lapar dan dari melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Kedua : Bersedekah, perbanyaklah amalan bersedekah kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah orang yang paling banyak bersedekah lebih-lebih lagi di bulan Ramadan, tidak kira kecil ataupun besar, banyak atau sedikit adalah sangat digalakkan. Apatah lagi di bulan Ramadan kerana ini adalah peluang kita untuk meningkatkan usaha membantu dan meringankan beban mereka yang berhajat dan memerlukan bantuan.

Ketiga : Sembahyang Sunat Tarawih, sama-samalah kita Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah lebih-lebih lagi di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadah bagi sama-sama mengimarahkan dan menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan.

Keempat : Membaca Al-Quran, bulan Ramadan merupakan bulan Al-Quran. Oleh itu, perbanyaklah membaca Al-Quran di bulan ini seperti bertadarus sama ada di pejabat, di rumah dan di masjid-masjid.

Kelima : Menyungkaikan : Amalan menyungkaikan atau memberi makan untuk orang yang berbuka puasa adalah sangat digalakkan dan mempunyai ganjaran yang sangat istimewa. Daripada Zaid bin Khalid Al-Jahni Radiallahuanhu berkata, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Siapa memberi makan orang yang berpuasa, maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa tersebut, tanpa mengurangi pahala orang yang berpuasa itu sedikit pun juga". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Seperti yang sudah ditetapkan dalam syarak, dalam bulan Ramadan umat Islam diwajibkan membayar Zakat Fitrah atau Zakat Badan. Kewajipan membayar zakat itu ada disebut di dalam Al-Quran. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 43 :

Tafsirnya : "Dan dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat serta rukuklah bersama-sama orang-orang yang rukuk".

Menunaikan Zakat Fitrah itu adalah diwajibkan ke atas setiap individu yang beragama Islam, merdeka dan mempunyai kelebihan harta daripada nafkah dirinya dan nafkah orang-orang yang di bawah tanggungannya pada malam dan siang hari pertama bulan Syawal.

Sesungguhnya hikmah dan tujuan Zakat Fitrah itu ialah Pertama : Bagi membantu umat Islam yang memerlukan, Kedua : Bagi melahirkan rasa kasih sayang sesama Islam, Ketiga : Sumber kestabilan dan kemakmuran umat, Keempat : Sebagai tanda kesyukuran atas nikmat Allah Subhanahu Wata'ala dan Kelima : Bagi membersihkan hati dari sifat bakhil.

Di negara kita Brunei Darussalam, terdapat tempat yang disediakan untuk memudahkan kita bagi membayar zakat seperti Majlis Ugama Islam Brunei ataupun melalui amil-amil yang telah dilantik oleh Majlis Ugama Islam Brunei iaitu membayar Zakat Fitrah di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadah dan juga di rumah-rumah amil yang dilantik. Selain itu, sebagai salah satu alternatif tambahan bagi pembayaran Zakat Fitrah di kalangan masyarakat Islam di negara ini. Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Majlis Ugama Islam Brunei telah memperkenalkan pembayaran Zakat Fitrah

secara online.

Pembayaran Zakat Fitrah secara online ini merujuk kepada fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang menyatakan bahawa pembayaran zakat dalam talian itu adalah harus dan sah kerana ia memenuhi tatacara yang ditetapkan oleh syarak dalam pembayaran zakat.

Antara kaedah yang boleh digunakan untuk membayar Zakat Fitrah secara atas talian ialah : Pertama : Menggunakan kaedah QuickPay, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD). Kedua : Menggunakan Sistem E-Zakat DST. Dalam pada itu, usaha-usaha juga sedang dibuat bagi melarutkan pembayaran Zakat Fitrah online ini ke atas beberapa agensi seperti Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB).

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Haj, ayat 78 :

Tafsirnya : "Dia memilih kamu (untuk membela agamanya) dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan dalam urusan agama".

Sesungguhnya ayat tersebut jelas menggambarkan kepada kita bahawa apa pun ibadah atau tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh syariat Islam itu bukannya bertujuan untuk menyusahkan umat manusia bahkan ibadah ataupun tanggungjawab itu dilakukan mengikut kadar kemampuan seseorang.

Oleh yang demikian, bagi orang-orang yang tidak berupaya menunaikan kewajipan puasa yang telah ditetapkan terutamanya bagi orang-orang yang ada masalah kesihatan tertentu kerana atas arahan dan mengikut nasihat doktor bahawa sakit itu akan menyebabkan orang berkenaan tidak berdaya untuk menunaikan ibadah puasa ataupun puasa itu akan mendatangkan mudarat kepada diri mereka.

Maka agama Islam telah menyediakan kelonggaran-kelonggaran kepada mereka. Perlu diketahui bahawa sakit dan musafir itu adalah dikira sebagai satu keuzuran yang membolehkan seseorang itu berbuka puasa. Akan tetapi orang yang sakit dan musafir itu adalah diwajibkan untuk mengqada puasa sebanyak hari yang telah ditinggalkannya itu.

Selain itu, orang yang benar-benar tidak berdaya untuk mengqada puasa seperti orang sakit yang tidak ada harapan sembuh.

Mereka tidak diwajibkan untuk mengqada puasa yang ditinggalkannya itu, akan tetapi wajib bagi mereka untuk membayar fidyah sebagai ganti puasa yang ditinggalkannya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 184 :

Tafsirnya : "Iaitu beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Tetapi sesiapa yang dengan sukarela membayarkan (bayaran fidyah) lebih daripada yang ditentukan itu maka adalah suatu kebaikan baginya dan walaupun demikian berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada membayar fidyah, juga kamu mengetahui".

Bulan Ramadan adalah kesempatan yang terbaik bagi kita untuk memperbaiki diri dari sudut ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru, adalah menjadi kerugian jika sekiranya di bulan ini kita hanya sekadar berpuasa di siang hari tanpa melakukan amal ibadah yang lain. Ini berarti, kita telah melepaskan peluang untuk memperbaiki diri, mempertingkatkan amalan, melatih dan mendidik diri untuk melakukan amal ibadah seperti bersedekah dan seumpamanya.

Oleh itu, kita manfaatkanlah bulan Ramadan ini dengan ibadah dan menjadikannya sebagai penggerak yang membawa kepada perubahan yang besar dalam diri kita dan juga keluarga kita. Mudah-mudahan ibadah puasa yang kita kerjakan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan sesiapa yang menghendaki (kebahagiaan hidup) akhirat dan berusaha (mengerjakan amal kebajikan) untuk (tujuan) itu dengan usaha yang bersungguh-sungguh sedang dia beriman maka mereka itulah yang usaha mereka dikurniakan ganjaran yang baik (diberi pahala)". (Surah Al-Israk, ayat 19)

"Bulan Ramadan merupakan waktu terbaik untuk mendidik jiwa dan rohani kita ke arah kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada bulan ini kita bukan saja menahan diri daripada lapar dan dahaga akan tetapi ibadah berpuasa juga mendidik kita untuk mengawal diri dan hawa nafsu. Selain itu, kita juga digalakkan untuk memperbanyakkan amalan-amalan sunat. Ini kerana melakukan amalan sunat khususnya di bulan Ramadan, ganjarannya adalah berlipat ganda berbanding dengan bulan-bulan yang lain".

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana berpeluang lagi pada tahun ini untuk bertemu bulan Ramadan, bulan yang penuh keberkatan, bulan keampunan dan penuh rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Di bulan ini, kita berpeluang melipatgandakan amal ibadah sama ada amalan-amalan fardu mahupun sunat. Alangkah beruntungnya orang yang merebut peluang untuk mendapatkan ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bulan Ramadan ini dan amat rugilah bagi orang-orang yang mensia-siakannya.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Setiap amalan kebaikan yang dilakukan oleh anak Adam akan dilipatgandakan dengan 10 kebaikan hingga 700 kali ganda. Allah Azzawajalla berfirman yang tafsirnya : Kecuali amalan puasa. Amalan puasa tersebut adalah untuk-Ku, Aku sendiri yang akan membalasnya. Disebabkan dia telah meninggalkan syahwat dan makanan kerana-Ku. Bagi orang yang berpuasa akan mendapatkan dua kebahagiaan iaitu ketika dia berbuka dan ketika berjumpa dengan Tuhannya. Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa adalah lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Bulan Ramadan merupakan waktu terbaik untuk mendidik jiwa dan rohani kita ke arah kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Pada bulan ini kita bukan saja menahan diri daripada lapar dan dahaga akan tetapi ibadah berpuasa juga mendidik kita untuk mengawal diri dan hawa nafsu.

Selain itu, kita juga digalakkan untuk memperbanyakkan amalan-amalan sunat. Ini kerana melakukan amalan sunat khususnya di bulan Ramadan, ganjarannya adalah berlipat ganda berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Antara amalan-amalan sunat yang digalakkan untuk dilakukan di sepanjang bulan Ramadan ialah :

Pertama : Bersahur. Ulama sepakat mengatakan bahawa hukum makan sahur adalah sunat dan bersahur itu ada keberkatannya. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Bersahurlah kamu,

CHEEZBOX CERIAKAN WARGA PUSAT EHSAN



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

ANTARA Pelajar, Pegawai dan Ahli Keluarga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang diraikan pada Majlis Berbuka Puasa anjuran CheezBox Cafe & Restaurant, The Mall, Gadong (kiri dan kanan).

GADONG, Khamis, 15 April. - Seramai 22 Pelajar, Pegawai dan Ahli Keluarga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

(Pusat Ehsan) diraikan pada Majlis Berbuka Puasa anjuran CheezBox Cafe & Restaurant, The Mall, di sini.

Antara yang hadir pada majlis tersebut, Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan, Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhin.

Turut menyertai majlis berbuka puasa tersebut, pihak pengurusan restoran, para media dan jemputan.

Para pelajar, kakitangan dan ahli keluarga pusat berkenaan disajikan dengan pelbagai jenis hidangan makanan bufet istimewa yang merangkumi masakan Asia, Itali, Jepun dan hidangan pencuci mulut antarabangsa.

Pusat Ehsan merupakan sebuah badan amal bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan yang menyediakan pembelajaran khas, rehabilitasi, latihan, pemeduliaan dan perkhidmatan pemulihan anggota badan kepada insan-insan istimewa (kurang upaya atau berkeperluan khas) di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, pusat berkenaan sentiasa mengalu-alukan sebarang sumbangan ikhlas daripada syarikat-syarikat, orang persendirian dan orang ramai.

MKM bantu keluarga yang memerlukan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 April. - Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) meneruskan lagi Projek Pengagihan Makanan Iftar pada bulan Ramadan kepada 153 keluarga, terdiri daripada Klien MKM di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait juga Daerah Temburong.

Pengagihan tersebut diadakan selama 15 hari bermula hari ini sehingga 29 April, bertempat di Pejabat MKM, di Kampung Anggerek Desa, Berakas bagi 119 keluarga di Daerah Brunei dan Muara.

Penyajian makanan iftar (berbuka puasa) untuk klien-klien dari Daerah Brunei dan Muara disediakan oleh Wafa Hotel and Apartment Annajat Complex, Beribi.

Tahun ini buat pertama kalinya MKM melarutkan pengagihan makanan iftar ke Daerah Belait, di mana seramai 16 keluarga dan Daerah Temburong seramai 18 keluarga.



PEMBIAYAAN perbelanjaan bagi Projek Pengagihan Makanan Iftar merupakan sumbangan daripada penderma-penderma yang bermurah hati di negara ini.

Naib Yang Dipertua 1 MKM, Dayang Hajah Juhana binti Haji Md. Jaya dalam kenyataannya menjelaskan, bahawa Klien-klien di bawah MKM setiap tahun semakin meningkat menurut Data Legal Clinic.

Pembiayaan perbelanjaan bagi Projek Pengagihan Makanan Iftar merupakan sumbangan daripada

penderma-penderma yang bermurah hati di negara ini.

ia merupakan projek tahunan MKM sempena bulan suci Ramadan yang antara lain bertujuan untuk meringankan beban keluarga kurang berkemampuan agar mereka dapat sama-sama menikmati juadah berbuka puasa dengan makanan yang lebih menyihatkan.

Pengagihan makanan itu turut dibantu oleh Ahli-ahli Youth Wing MKM serta para sukarelawan. Sepanjang tempoh pengagihan 15 hari tersebut, makanan yang diagihkan adalah berbeza setiap hari.



SEKITAR suasana persiapan pengagihan makanan untuk berbuka puasa pada bulan Ramadan kepada 153 keluarga, yang terdiri daripada Klien-klien MKM di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait juga Daerah Temburong.

Perubahan waktu operasi kaunter pembayaran

Siaran Akhbar : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 April. - Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan ingin memaklumkan bahawa di sepanjang bulan Ramadan, kaunter-kaunter pembayaran yang akan beroperasi adalah seperti berikut :

Bagi Kaunter Pembayaran Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan (BSB), waktu beroperasi kaunter berkenaan ialah Isnin hingga Khamis, dari 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, manakala pada Sabtu, dari 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Bagi Kaunter Pembayaran Letak Kereta dan Kompleks Tamu Kianggeh, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Elizabeth II, BSB pula, waktu beroperasi kaunter berkenaan ialah Isnin hingga Khamis, dari 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, sementara pada Sabtu, dari 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.



Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19



Pantau tahap kesihatan abiskita setiap masa

Jika abiskita mengalami demam panas, atau tanda-tanda jangkitan seperti batuk atau kesukaran bernafas, sila dapatkan rawatan dengan segera

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi
Talian Nasihat Kesihatan 148

BERPUASA BUKAN ALASAN UNTUK KURANG PRODUKTIF

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Muhamad Norsah Shahrul Mazlan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 April. - Meskipun ibadah utama pada bulan Ramadan adalah dengan menjalankan puasa namun terdapat lagi banyak ibadah-ibadah lain yang boleh kita laksanakan dalam mengaut pahala berlipat ganda pada bulan yang penuh keberkatan ini.

Bulan Ramadan adalah antara bulan yang ditunggu-tunggu oleh sekalian umat Islam dan bulan ini mempunyai kelebihan daripada bulan-bulan yang lain dalam setiap ibadah yang dilakukan.

Mereka yang tidak memanfaatkan dengan menjalankan ibadah pada bulan ini memang sangat rugi sehingga tidur sekali pun merupakan suatu ibadah dan mendapat pahala akan tetapi jangan sampai meninggalkan kewajiban kita selaku hamba-Nya.

Selain itu, ibadah pada bulan Ramadan yang memiliki banyak pahala adalah mengejar malam Lailatulqadar serta berdoa, berzikir serta beristighfar kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam kita menjalani puasa dengan keadaan menahan lapar

dan dahaga serta mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa, kita jangan lupa akan tugas harian kita dalam menggalas tanggungjawab kepada sesebuah organisasi, syarikat dan sebagainya, sama ada sektor awam mahupun swasta.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah, waktu bekerja bagi warga perkhidmatan awam dan juga swasta adalah dipendekkan daripada kebiasaannya dan begitu juga mereka yang bekerja mengikut *shift* terdapat ada kelonggaran bagi pekerja yang beragama Islam untuk pulang awal mengikut keprihatinan dan budi bicara majikan masing-masing.

Dari situ, perpaduan akan terbentuk dalam sebuah organisasi dengan adanya kerjasama dan kesefahaman demi kebajikan kedua belah pihak, iaitu majikan

dan pekerja. Niat bertugas kerana Allah itu adalah termasuk dalam amal soleh kita, insyaaAllah dan sekali gus memperoleh ganjaran pahala daripada-Nya.



BEKERJA dengan niat kerana Allah Subhanahu Wata'ala merupakan suatu amal soleh dan mendapat ganjaran pahala daripada Allah.

Latih anak-anak berpuasa sedari awal

Oleh : Aimi Sani

■ **SEBAGAI** ibu bapa, haruslah kita terlebih dahulu menerangkan apakah maksud puasa dan kebaikan seseorang itu berpuasa terlebih dahulu.

■ **JANGAN** sesekali membandingkan anak awda dengan orang lain. Sebaliknya, lihatlah kemampuan anak sendiri, sama ada mereka bersedia untuk melakukan ibadah puasa.

■ **PARA** ibu bapa perlu lebih kreatif pada bulan Ramadan ini dalam memastikan anak-anak mengambil keperluan makanan yang seimbang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Berpuasa pada bulan Ramadan tidak diwajibkan bagi kanak-kanak sehingga mereka baligh, iaitu dewasa.

Namun para ibu bapa dapat melatih anak-anak mereka berpuasa sedari kecil agar suatu hari nanti apabila mereka baligh, mereka akan terbiasa untuk melatih diri berpuasa. Bagi anak-anak kecil, setentunya berpuasa bukan satu hal yang mudah dan sebaiknya mendidik anak untuk belajar berpuasa mengikut tahap kemampuan masing-masing.

Buat permulaan, anak-anak boleh mencuba untuk berpuasa selama setengah hari, iaitu ikut bangun sebelum subuh untuk makan sahur sehingga tengah hari. Pantau sejauh mana kemampuan anak tersebut dan keadaan

kesihatan mereka perlahan-lahan tanpa sebarang paksaan.

Sebagai ibu bapa, haruslah kita terlebih dahulu menerangkan apakah maksud puasa dan kebaikan seseorang itu berpuasa terlebih dahulu.

Harus diingat bahawa adalah penting bagi ibu bapa memahamkan anak mereka tentang keutamaan sembahyang berbanding puasa. Libatkan mereka dalam sembahyang sehari-hari dan melaluinya, para ibu bapa akan mendapati lebih mudah untuk anak memahami dan menjalankan ibadah puasa dengan rela hati.

Oleh itu, jangan sesekali membandingkan anak awda dengan orang lain. Sebaliknya, lihatlah kemampuan anak sendiri, sama ada mereka bersedia untuk melakukan ibadah puasa.

Di samping itu, para ibu bapa perlu lebih kreatif pada bulan Ramadan ini dalam memastikan anak-anak mengambil keperluan makanan yang seimbang, selain turut menghidangkan makanan kegemaran mereka ketika berbuka dan juga bersahur, selain turut memberikan kata-kata semangat dan dorongan kepada anak-anak.

Jika mereka nampak seperti mahu berputus asa, berikan sokongan dan galakan supaya mereka akan lebih bersemangat untuk berpuasa lagi. Mereka bukannya sengaja mencari alasan bermanja tetapi sebenarnya mereka sokongan ibu bapa amat diperlukan pada ketika ini.

Islam adalah agama yang penuh kelembutan dan kasih sayang. Dalam melatih anak berpuasa, lakukan ia dengan penuh sabar. Elakkan memaksa dengan keras sehingga kewajipan lain, seperti sembahyang, dianggap ringan oleh anak-anak.

Kalau anak tidak mampu berpuasa, jangan sesekali membandingkan atau memalukan anak yang tidak berpuasa di hadapan orang lain. Ia boleh menjadikan mereka berasa kurang yakin dan tidak mahu mencuba lagi.

Selain itu, sebagai motivasi, tidak salah juga memberikan hadiah sebagai insentif galakan kepada anak-anak agar mereka lebih bersemangat untuk belajar berpuasa.

Jangan lalai, sentiasa peka aspek keselamatan

Siaran Akhbar :
Jabatan Bomba dan Penyelamat

■ **JABATAN** Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan kepada masyarakat di negara ini untuk tidak lalai dan sentiasa peka dengan aspek-aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran, bukan sahaja semasa hari-hari perayaan bahkan dijadikan sebagai amalan pada bila-bila masa bagi menghindari berlakunya kebakaran di rumah kediaman awda.

■ **DARI** statistik kes panggilan kecemasan yang diterima oleh JBP pada tahun 2020 adalah sebanyak 103 panggilan kebakaran. Di mana antaranya jumlah panggilan tersebut sebanyak 69 panggilan adalah kebakaran rumah dan 34 panggilan kebakaran bangunan.

■ **JIKA** dibandingkan dengan statistik Januari hingga Mac 2021, JBP telah pun menerima sebanyak 23 panggilan kebakaran, di mana dua sebanyak 11 panggilan kebakaran rumah dan 12 panggilan kebakaran bangunan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 April. - Dalam kesibukan semasa bulan Ramadan ini dan persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan kepada masyarakat di negara ini untuk tidak lalai dan sentiasa peka dengan aspek-aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran, bukan sahaja semasa hari-hari perayaan bahkan dijadikan sebagai amalan pada bila-bila masa bagi menghindari berlakunya kebakaran di rumah kediaman awda.

Kebakaran boleh terjadi pada bila-bila masa tanpa memilih jenis rumah atau bangunan selagi ada unsur-unsur yang bertentangan dengan konsep keselamatan maka selagi itulah kemalangan kebakaran di rumah-rumah kediaman atau bangunan akan terus terjadi atau meningkat.

Dari statistik kes panggilan kecemasan yang diterima oleh JBP pada tahun 2020 adalah sebanyak 103 panggilan kebakaran. Di mana antaranya jumlah panggilan tersebut sebanyak 69 panggilan adalah kebakaran rumah dan 34 panggilan kebakaran bangunan.

Jika dibandingkan dengan statistik Januari hingga Mac 2021, JBP telah pun menerima sebanyak 23 panggilan kebakaran, di mana dua sebanyak 11 panggilan kebakaran rumah dan 12 panggilan kebakaran bangunan.

Beberapa langkah yang perlu dilakukan semasa bulan Ramadan ini ialah memastikan kediaman awda dilengkapi dengan alat pencegah kebakaran seperti alat pemadam api, selimut api, alat pengesan asap; memastikan penggunaan peralatan elektrik sentiasa dikawal dan mengikut piawaian yang betul terutama sekali pendawaian dan agar tidak melebihi beban (*overload*) serta diselenggarakan oleh orang yang berkemahiran dan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan menutup atau mematikan suis-suis peralatan elektrik jika tidak menggunakannya atau semasa meninggalkan rumah awda.

Seterusnya, memastikan kepala dan hos silinder gas LPG mengikut piawaian yang betul dan diiktiraf oleh pihak BSM; tidak meninggalkan masakan semasa memasak di dapur; sentiasa menutup atau menanggalkan kepala gas jika tidak menggunakannya bagi mengelakkan sebarang kebocoran yang boleh menyebabkan kebakaran; mengawasi keberadaan dan keselamatan anak-anak awda semasa bermain bunga api serta elakkan mereka daripada bermain mancis / pemetik api.

Selain itu, memastikan api lilin atau pelita yang menyala di tempat yang selamat atau jauh daripada benda atau bahan yang mudah terbakar dan mematikkannya sebelum meninggalkan rumah dan menghindari membuang potong-potong rokok yang masih menyala di merata tempat.

Di kesempatan ini, JBP ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa khususnya di negara ini. Dalam masa yang sama, JBP juga ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlakunya sebarang kecemasan yang melibatkan kebakaran, orang ramai bolehlah menghubungi terus Talian Kecemasan Bomba 995. Keselamatan awda, keluarga, jiran dan harta benda adalah menjadi tanggungjawab bersama.

TUNAIKAN TUNTUTAN ZAKAT FITRAH



PEMBAYARAN zakat boleh dibuat kepada mana-mana amil yang dilantik, seperti di masjid-masjid dan surau-surau, kediaman amil-amil, institusi-institusi kewangan Islam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Zakat Fitrah ialah zakat diri yang diwajibkan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan Muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Dari Ibnu Umar Radiallahuanhu katanya, "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mewajibkan Zakat Fitrah pada bulan Ramadan kepada semua orang Islam, lelaki, perempuan, orang yang merdeka mahupun hamba dengan kadar satu kurma atau gandum". (Hadis diriwayatkan oleh Imam Bukhari

dan Muslim)

Pembayaran zakat boleh dibuat kepada mana-mana amil yang dilantik, seperti di masjid-masjid dan surau-surau, kediaman amil-amil, institusi-institusi kewangan Islam, seperti Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau berhubung terus ke Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta cawangan-cawangan di seluruh

negara.

Syarat-syarat bagi wajib Zakat Fitrah ada empat, iaitu mempunyai lebih makanan atau harta daripada keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.

Selain itu, anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenamnya matahari merupakan antara mereka yang wajib dikeluarkan zakat.

Syarat-syarat wajib Zakat Fitrah juga ialah seseorang itu memeluk agama Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya, dan akhir sekali seseorang yang meninggal dunia selepas terbenam matahari pada akhir Ramadan.

Kadar Zakat Fitrah yang dibayar di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah berdasarkan kepada harga jenis beras dengan kadar sukatan sebanyak 2 kilogram dan 268 gram. Kadar 2 kilogram dan 268 gram tersebut adalah bersamaan nilainya sebanyak BND2.84 sen bagi beras wangi. Manakala bagi beras siam nilainya bersamaan dengan BND1.93 sen.

Waktu afdal bagi mengeluarkan zakat ialah sebelum Sembahyang Sunat Hari Raya dan waktu wajib ialah apabila terbenam matahari pada akhir 30 Ramadan sehingga terbit matahari keesokannya. Manakala waktu sunat ialah di

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

- **SYARAT-syarat** bagi wajib Zakat Fitrah ada empat, iaitu mempunyai lebih makanan atau harta daripada keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.
- **WAKTU** afdal bagi mengeluarkan zakat ialah sebelum Sembahyang Sunat Hari Raya dan waktu wajib ialah apabila terbenam matahari pada akhir 30 Ramadan sehingga terbit matahari keesokannya. Manakala waktu sunat ialah di sepanjang bulan Ramadan.
- **SELARAS** dengan kemajuan teknologi, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) dengan kerjasama MUIB KHEU melancarkan eZakat.

sepanjang bulan Ramadan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah, "Maka sesiapa yang mengeluarkan (fitrah) sebelum Sembahyang Sunat Hari Raya, maka itulah zakat yang diterima dan sesiapa yang mengeluarkan Zakat Fitrah sesudah Sembahyang Sunat Hari Raya, maka itu hanyalah merupakan sedekah sahaja".

Sementara itu, selaras dengan kemajuan teknologi, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) dengan kerjasama MUIB dan KHEU melancarkan eZakat. eZakat adalah platform

pembayaran Zakat Fitrah secara dalam talian di sepanjang bulan Ramadan 1442H / 2021M. Platform ini adalah sebagai alternatif tambahan kepada kaedah konvensional melalui amil.

Sebagaimana juga ketetapan Fatwa Mufti Kerajaan, NBD melalui siri Fatwa (16/2020) Bil.24-1/2/5Ej(2) bertarikh 18 Syawal 1441 bersamaan 10 Jun 2020 menyatakan bahawa 'Pembayaran Zakat Harta dan Zakat Fitrah secara dalam talian adalah harus dan sah kerana ia memenuhi tatacara yang ditetapkan oleh syarak dalam pembayaran zakat'.

Tingkat amal ibadat di bulan Ramadan



BULAN Ramadan merupakan peluang untuk melipatgandakan lagi amal ibadah kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sama ada amalan-amalan fardu dan sunat.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Bulan Ramadan adalah antara bulan yang ditunggu-tunggu oleh sekalian umat Islam di seluruh dunia, termasuk di Negara Brunei Darussalam.

Bulan ini mempunyai kelebihan daripada bulan-bulan yang lain. Sebagaimana yang kita maklum bahawa bulan Ramadan adalah bulan ibadah.

Bulan ini merupakan peluang untuk melipatgandakan lagi amal ibadah kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sama ada amalan-amalan fardu dan sunat.

Sesungguhnya bulan Ramadan merupakan waktu terbaik untuk kita mendidik diri kita ke arah kebaikan.

Justeru, kita dituntut untuk meningkatkan dan memperbanyakkan lagi amal ibadah kita di bulan yang penuh keberkatan ini.

Antara amalan-amalan yang perlu dilakukan di dalam bulan suci ini termasuklah bersahur, bersedekah, Sembahyang Sunat Tarawih, Sembahyang Sunat Witir, membaca Al-Quran dan memberi makan kepada orang-orang yang

sedang berpuasa.

Alhamdulillah, kita patut bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita diberikan peluang pada tahun ini untuk bertemu lagi di bulan yang mulia ini meskipun berdepan dengan situasi COVID-19.

Oleh itu, kita rebutlah peluang bagi meningkatkan amal ibadah kita dengan amalan-amalan berkebaikan agar kita mendapat ganjaran yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan amatlah rugi bagi mereka yang mensia-siakaninya.

Semoga amal ibadah yang kita kerjakan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima dan mendapat ganjaran juga keredaan daripada-Nya jua.

Buah kurma : Inovasi tidak jejakkan khasiat



BUAH kurma memiliki manfaat yang banyak untuk kesihatan tubuh.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Buah kurma menjadi menu sajian semasa bulan Ramadan ketika berbuka dan sahur. Ia merupakan buah yang mudah dicerna sehingga tidak mengganggu proses pencernaan setelah seharian berpuasa.

Buah kurma memiliki manfaat yang banyak untuk kesihatan tubuh. Setelah mengetahui pelbagai khasiat yang dapat diperoleh daripada buah kurma, selain memakannya dengan begitu sahaja, kebanyakan kita kini menjadikan buah kurma sebagai sebahagian daripada olahan minuman.

Ada beberapa olahan minuman daripada buah kurma yang ternyata banyak diamalkan oleh orang pada zaman dahulu. Sejak zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda menjadikan rutin meminum air rendaman kurma yang dipanggil Air Nabeez.

Olahan minuman daripada buah kurma sangat mudah dibuat kerana buah kurma tidak perlu melalui proses dikupas. Selain itu, buah kurma juga merupakan buah yang cukup awet dalam penyimpanannya.

Di samping dapat diminum tanpa sebarang campuran, olahan minuman daripada buah kurma juga dapat dicampur dengan pelbagai jenis bahan makanan dan minuman lain, seperti susu, pisang dan sebagainya.

Antara olahan yang sering dibuat seperti Jus Susu Kurma, Jus Kurma, Jus Kurma Pisang, Smoothie Kurma, Teh Kurma dan sebagainya.

Selain mengandungi nutrisi yang sangat baik untuk tubuh, pengambilan buah kurma semasa berbuka puasa juga sangat digalakkan kerana rasa manis yang terdapat dalam buah kurma tersebut memberikan sumber tenaga yang hilang setelah seharian menjalani puasa.

Justeru, tidak hairan buah ini cukup diminati kerana terkenal kaya dengan nutrisi, malah memakannya juga merupakan sunnah yang dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

PERLUAS KERJASAMA STRATEGIK BIBD MELALUI PENANDATANGANAN MOU

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 April. - BIBD Asset Management (BIBD AM), di bawah lesen BIBD Securities Sdn. Bhd. (BIBDS), anak syarikat milik penuh BIBD, baru-baru ini, menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Pengurus Pelaburan Lombard Odier (LOIM), perniagaan pengurusan aset Lombard Odier Group, yang berpangkalan di Geneva.

MOU tersebut menyaksikan BIBD AM dan LOIM memperkenalkan strategi Ekuiti Islam Global Jenama Dunia (World Brands Islamic) yang patuh Syariah, keyakinan tinggi pelaburan strategi ekuiti global dalam syarikat premium dan bernilai di sektor yang berkaitan dengan pengguna.

Kerjasama ini mewakili ikatan kepakaran di antara dua syarikat, di mana BIBD AM membawa banyak pengalaman dalamannya dalam pelaburan Syariah, manakala memanfaatkan kemampuan yang mantap LOIM dalam pelabur *matic* juga kemampuan.

World Brands Islamic akan diuruskan oleh Pengurus Kanan Portofolio, Juan Mendoza, yang menguruskan strategi versi konvensional sejak 2009 dan

akan terus menerapkan objektif pelaburan, dasar dan pendekatan sama, yang membawa pada rekod prestasi cemerlang. Juan disokong oleh platform penyelidikan global *multi-faceted* LOIM, terdiri daripada industri berpengalaman dan pakar serantau.

Pengarah Urusan BIBD, Awang Haji Muhammad Yazid bin Dato Paduka Haji Mahadi, dalam ucapannya berkata, BIBD gembira dapat memperoleh kerjasama ini, yang bukan sahaja dapat mempelbagaikan strateginya, malah memperluas kerjasama strategik BIBD dengan beberapa pengurus aset terbaik dalam industri dan di seluruh dunia.

"Pada masa yang sama, ini akan meningkatkan nilai kami dan membantu kami melaksanakan strategi Syariah yang boleh mengatasi rakan-rakan konvensional. Selain itu, ia menyokong matlamat kami untuk mewujudkan BIBD AM sebagai pengurus aset patuh Syariah yang terkemuka di Negara Brunei Darussalam juga global dan menyokong agenda kebangsaan Brunei untuk menjadikan negara ini sebagai hab pengurusan dana Islam serantau," ujarnya.

Perkongsiannya ini semakin

memperkuat daftar perkongsian strategik BIBD AM bersama pengurus global terbaik yang menawarkan strategi ekuiti Islam yang berbeza, apabila digabungkan, dapat menyediakan pelabur dengan portfolio pelbagai yang sesuai dengan pelbagai objektif atau pilihan.

BIBD AM bekerjasama dengan pengurus aset yang sangat terkenal berikut untuk menawarkan pelbagai strategi ekuiti Islam :

1. Wellington Management (Wellington) adalah sebuah firma pengurusan pelaburan global, beribu pejabat di Boston, menguruskan lebih daripada USD1.1 trilion aset dengan kemampuan yang merangkumi hampir semua segmen pasaran modal global;

2. Dimensional Fund Advisors Pte. Ltd. (Dimensional) adalah syarikat gabungan Dimensional Fund Advisors LP, yang berpangkalan di Singapura, sebuah syarikat pengurusan pelaburan global, beribu pejabat di Austin, dibina berdasarkan asas akademik yang kuat, yang telah menterjemahkan penyelidikan akademik menjadi penyelesaian pelaburan praktikal sejak tahun 1981;

3. TOBAM adalah firma pengurusan aset, beribu pejabat di Paris, yang memberikan



SESI bergambar ramai semasa penandatanganan MoU di Pejabat Arabesque di London bersama CEO and Founder of Arabesque Holdings, Omar Selim (depan, kiri), Pengarah Urusan BIBD, Awang Haji Muhammad Yazid bin Dato Paduka Haji Mahadi (depan, tengah), dan Awangku Ashrin bin Pengiran Md. Zaidi. Juga hadir, Managing Director and CEO of BIBD, Mubashar Khokhar (belakang, kiri) dan Head of Client Services, Arabesque Holdings, Gabriel Karageorgiou.

penyelesaian pelaburan inovatif, yang direka untuk memaksimumkan kepelbagaian untuk mendapatkan premium risiko penuh kelas aset;

4. Arabesque Asset Management (Arabesque) adalah sebuah firma pengurusan aset, beribu pejabat di London merupakan penyelidikan canggih Artificial Intelligence and Sustainability. Arabesque mengikuti pendekatan pelaburan berdasarkan peraturan, mengintegrasikan maklumat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dengan analisis kewangan dan kuantitatif untuk memberikan prestasi yang disesuaikan dengan risiko yang lebih baik.

Pelanggan dapat menikmati strategi yang disediakan oleh pengurus aset bertaraf dunia ini

melalui BIBD AM untuk membuat portfolio yang pelbagai dengan baik untuk menyokong matlamat pelaburan mereka.

Pada masa ini, BIBDS adalah satu-satunya institusi kewangan yang menawarkan produk pengurusan aset Islam di Negara Brunei Darussalam. Pelabur yang berminat, boleh berhubung bersama perancang kewangan berlesen, di Pejabat BIBD, Kiulap atau mana-mana Ruang Perdana BIBD, untuk mengetahui lebih lanjut mengenai penyelesaian aset yang ditawarkan oleh BIBDS.

Awda juga boleh melayari laman sesawang BIBDS di <http://www.bibd.com.bn/securities/> atau menghubungi Pusat Panggilan menerusi +673 2238181 untuk maklumat lebih lanjut.

Ziarahi kubur timbulkan rasa zuhud



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 April. - Menjelangnya bulan Ramadan Al-Mubarak umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan amal ibadat, antaranya dengan mengadakan pelbagai kegiatan keagamaan, seperti menziarahi dan membersihkan tanah-tanah perkuburan orang-orang Islam.

Amalan menziarahi kubur merupakan amalan mulia yang lazim dilakukan di negara ini dan amalan tersebut semakin bertambah bila tibanya Ramadan

juga di pagi Hari Raya Aidilfitri.

Menziarahi tanah perkuburan merupakan satu amalan yang dituntut oleh syarak dan ia adalah satu jalan yang paling berkesan untuk menimbulkan rasa zuhud, iaitu meninggalkan keseronokan dunia dan mengingati akan kematian.

Selain itu, menziarahi kubur juga adalah salah satu cara untuk kita mendoakan orang yang telah meninggal dunia, sama ada kepada kedua ibu bapa, anak-anak, saudara-mara dan

MENZIARAH tanah perkuburan merupakan satu amalan yang dituntut oleh syarak dan ia adalah satu jalan yang paling berkesan untuk menimbulkan rasa zuhud.

Muslimin Muslimah yang telah kembali ke rahmatullah agar mereka sentiasa dilimpahi rahmat juga keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam pada itu, apabila kita menziarahi kubur, kita juga perlu menjaga kebersihan seluruh kawasan tanah perkuburan dan tidak mengotorkannya dengan apa pun cara kerana ia merupakan sebahagian daripada adab dan tatacara memelihara hak juga kehormatan kubur dan ahli kubur.

Adalah menjadi akhlak yang terpuji jika setiap penziarah kubur itu sama-sama menjalankan tanggungjawab mereka sebagai seorang Muslim dengan saling bantu-membantu dalam membersihkan dan membuang sampah sarap juga benda-benda buangan yang mengotori kawasan tanah perkuburan, tidak kira sama ada kubur itu adalah kubur ahli keluarga mahupun kubur mereka yang tidak ada talian persaudaraan dengan mereka.

Amalan membersihkan tanah perkuburan secara bergotong-royong itu juga merupakan salah satu kerja amal yang dapat menanamkan sikap tolong-menolong ke arah kebaikan dan merupakan amalan mulia.

كَمَنْتَرِين كَمِيحَاتِن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

NASIHAT KEPADA PENIAGA MAKANAN UNTUK MENGURANGKAN PENYEBARAN COVID-19

<p>Amalkan kebersihan diri yang baik semasa mengendalikan makanan.</p>	<p>Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air selama tidak kurang dari 20 saat.</p>	<p>Kerap mencuci dan menyah-kuman semua permukaan tempat kerja. Gunakan sabun pencuci atau pembasmi yang mengandungi 60-70% alkohol.</p>
<p>Menyediakan sanitiser tangan bagi pelanggan yang masuk dan keluar dari premis makanan.</p>	<p>Amalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1-2 meter. Elakkan berhubung rapat dengan sesiapa yang tidak sihat.</p>	<p>Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) seperti penutup muka & sarung tangan boleh mengurangkan penyebaran COVID-19 jika digunakan dengan betul.</p>
<p>Amalkan kebersihan respiratori yang baik. Tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin. Buang tisu dan cuci tangan.</p>	<p>Pengendali makanan yang tidak sihat hendaklah memaklumkan pengurus & tidak bertugas. Jika perlu, hubungi talian 148 untuk mendapatkan nasihat kesihatan</p>	<p>Sediakan garis panduan pengurusan kakitangan yang tidak sihat. Ini termasuk panduan bagi kakitangan yang mula jatuh sakit semasa bertugas di premis makanan.</p>

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn

JPCC ADAKAN GERAI RAMADAN

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd.

JERUDONG, Rabu, 14 April. - Bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia ini, Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. (JPCC) mengadakan Jerudong

Park Gerai Ramadan yang berlangsung pada 16 April hingga 9 Mei, bermula 3.00 petang hingga 11.00 malam, di Jerudong Park Garden.



Lebih 15 vendor menyertai Jerudong Park Gerai Ramadan yang melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan yang antaranya menjual pelbagai barangan, seperti juadah bersungka, pakaian-pakaian dan banyak lagi di mana masuk ke Jerudong Park Garden adalah percuma.

Dalam pada itu, Jerudong Park Gerai Ramadan yang pertama kali diadakan ini berkonsepkan santai, di mana para pengunjung boleh bersungka di tempat yang disediakan dan turut disediakan surau bagi kemudahan orang awam.

Pada setiap Jumaat di sepanjang bulan April ini, JPCC Sdn. Bhd. akan mengadakan Lensa Ramadan, bermula 4.00 petang hingga 6.00 petang, di mana ia mengetengahkan ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah-penceramah undangan dengan memfokuskan pelbagai topik-topik yang menarik.

Lensa Ramadan ini diadakan di Bilik VIP East, Jerudong Park Garden, dengan tiket masuk berharga BND5 untuk dewasa dan BND3 untuk kanak-kanak. Sebahagian daripada tiket akan disumbangkan pada badan-badan kebajikan di negara ini sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Antara kemudahan bagi pengunjung adalah tempat letak kereta yang terletak di Jerudong Park Garden; tempat letak kereta Pusing Lagi dan tempat letak kereta Jerudong Park Food Court. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh mengikuti Instagram @jerudongpark dan Facebook @jerudongparkplayground.

Waktu operasi Talian EGNC sepanjang Ramadan

Siaran Akhbar : Pusat Kebangsaan E-Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa waktu beroperasi Talian EGNC Helpdesk setiap hari, mulai 12.00 tengah hari hingga 5.30 petang dan 7.00 malam sehingga 11.59 malam sepanjang bulan Ramadan.

Pihak kami ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan waktu operasi tersebut.

Waktu perkhidmatan kaunter JPD

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Pengangkutan Darat

Cawangan	Jenis Perkhidmatan	Hari	Waktu Beroperasi
Semua Cawangan JPD	• Semua Perkhidmatan Kaunter • Perkhidmatan Pusat Pemeriksaan Kenderaan JPD	ISNIN - KHAMIS & SABTU	8:15 Pagi - 12:30 Tengahhari
Ibu Pejabat JPD Gadong	• Membaharu Lesen Memandu • Membaharu Lesen Kenderaan	JUMAAT	8:30 - 11:00 Pagi
Cawangan JPD Daerah Tutong dan Cawangan JPD Daerah Kuala Belait	• Membaharu Lesen Memandu • Membaharu Lesen Kenderaan	JUMAAT (Minggu kedua dan minggu terakhir bulan Masihi)	8:30 - 11:00 Pagi
• Kompleks Latihan dan Ujian Memandu Litar JPD Sungai Akar • Cawangan JPD Daerah Temburong		JUMAAT	TUTUP

Nota: Perkhidmatan Kaunter dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan JPD tidak beroperasi pada hari kelepasan awam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa waktu beroperasi perkhidmatan-perkhidmatan kaunter JPD dan Perkhidmatan Pusat Pemeriksaan Kenderaan JPD sepanjang bulan Ramadan 1442 Hijrah / 2021 Masihi.

Waktu beroperasi itu adalah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu (kecuali hari kelepasan awam) serta waktu beroperasi bagi semua Cawangan JPD adalah mulai 8.15 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Bagi perkhidmatan membaharu Lesen Memandu dan Kenderaan, cawangan Ibu Pejabat JPD, Gadong buka pada Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 11.00 pagi. Manakala, Cawangan JPD Daerah Tutong dan Belait dibuka pada Jumaat minggu kedua dan minggu terakhir bulan Masihi.

Sementara itu, cawangan Kompleks Latihan dan Ujian Memandu Litar JPD Sungai Akar dan JPD Temburong adalah ditutup pada Jumaat. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi TD123 semasa waktu pejabat atau e-mel ke info_ltd@jpd.gov.bn.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Infografik : Ihsan Yesinv Management Services

Bersama meriahkan 'Let's Play Rut to Riches'

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Yesinv Management Services Sdn. Bhd. akan menganjurkan permainan board game 'Let's Play Rut to Riches' buat kali keempat pada Sabtu, 24 April 2021, bermula

10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Permainan board game Rut to Riches tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan mengenai kepintaran kewangan dan kepentingannya di

dalam kehidupan seharian, terutamanya bagi mereka yang menyedari akan tanggungjawab mereka sendiri dalam pengurusan kewangan dan perbelanjaan.

Permainan tersebut merupakan salah satu cara pembelajaran interaktif dan menarik untuk mempelajari kepintaran kewangan kerana ia bertindak sebagai simulasi yang menggalakkan pemain untuk bermain secara aktif, di samping para peserta akan berpeluang mempelajari asas aliran tunai peribadi, pengurusan wang dan belajar membuat keputusan sendiri.

Ilmu yang dipelajari akan seterusnya dapat diaplikasikan dalam kehidupan sebenar.

Pendaftaran adalah terhad dan yuran kemasukan bagi menyertai permainan tersebut ialah BND15 bagi seorang, BND25 bagi dua orang, manakala bagi kemasukan kumpulan seramai enam orang adalah BND50.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai permainan ini sambil belajar boleh mendaftar di <http://bit.ly/R2Rapril> atau menghubungi pihak penganjur melalui WhatsApp menerusi talian +673 2233247 atau mengikuti perkembangan melalui laman Instagram @yesinvms.bn.

MEMPERKENALKAN LAMAN MEDIA SOSIAL BAHARU PELITA BRUNEI



Pelita Brunei



pelitabrunei



pelitabrunei

Jangan lupa untuk like dan follow laman media sosial kami

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIKIMBAS KOD QR DI BAWAH.






Lihat Senarai Iklan Jawatan Kosong  PSC.BN

+673 7371961  PSC.BN  PSC.BN  query@spa.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
01.	JURURAWAT [M.7-8 EB.9] 2021/0012/07	KEMENTERIAN PERTAHANAN	2	7(A)	24 APRIL 2021
02.	PENOLONG PENGUASA RUMAH KEBAJIKAN [C.1-2 EB.3] 2021/0013/05	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	1	7(A)	24 APRIL 2021
03.	PENYELIA PEMBINA KAPAL [C.1 EB.2] 2021/0013/07	JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A)	24 APRIL 2021
04.	PEMERIKSA TANAMAN [D.1-2 EB.3-4] 2021/0013/09	JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	1	7(A)	24 APRIL 2021
05.	PEMBANTU TEKNIK PELATIH [D.1-2] 2021/0014/03	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	1	7(A)	24 APRIL 2021
06.	TUKANG ELEKTRIK (KENDERAAN) [E.1-2-3 EB.4] 2021/0012/14	KEMENTERIAN PERTAHANAN	1	7(A)	24 APRIL 2021
07.	GURU TINGKAT I [PG.2] 2021/0012/02	INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	3	38(B)	24 APRIL 2021

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Tajuk Tawaran : Engagement of Qualified Security Assessor (QSA) for Payment Card Industry Data Security Standards (PCI DSS) Compliance and Related Services (3 Tahun - 1hb Ogos 2022 to 31hb Julai 2025)

Rujukan Tawaran : JPCK / LTN2122-T01 / IT

Bayaran Yuran Tawaran : BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup / Jam dilanjutkan : Isnin, 3 Mei 2021, jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

No Tawaran : JPPK / LTN / 21 / 2020

Tajuk Tawaran : DESIGN AND BUILD FOR SLOPE PROTECTION AT BUKIT TABUR BINTANG, BERAKAS GARRISON

Jumlah Yuran : BND 50.00 (Tidak dikembalikan)

Kelas : III & ke atas sahaja

Kategori : KA01

Tempoh Penyiapan : TUJUH (7) BULAN

No Tawaran : JPPK / LTN / 22 / 2020

Tajuk Tawaran : DESIGN AND BUILD FOR UPGRADING OF WATER SUPPLY DISTRIBUTION AT BERAKAS GARRISON

Jumlah Yuran : BND 100.00



(Tidak dikembalikan)

Kelas : III & ke atas sahaja

Kategori : KA01, KPB04

Tempoh Penyiapan : SEMBILAN (9) BULAN

Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 27 April 2021, tidak lewat jam 2.00 Petang,



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA (BG5055).

BILANGAN TAWARAN : RTB / K / 03 / 21 - 22

TAJUK TAWARAN : PERCETAKAN DAN PEMBEKALAN CUSTOM DESIGNED RECYCLE BAG DAN CUSTOM DESIGNED PEN UNTUK CENDERAMATA RESPONDEN KAJIAN.

BAYARAN TAWARAN : BND5.00 (tidak dikembalikan)

SALINAN KERTAS (Hardcopy) : BND5.00 (jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup : Rabu, 21 April 2021, jam 1.00 Petang

BILANGAN TAWARAN : RTB / K / 04 / 21 - 22

TAJUK TAWARAN : SUPPLY AND REPLACEMENT OF VRV DUCTED UNITS (AIR-CONDITIONER) FOR OUTSIDE BROADCAST VAN




JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tajuk Tawaran: SOIL INVESTIGATION, TESTING, ANALYSIS, ETC, FOR THE REMEDIAL MEASURES FOR THE RUNWAY & SHOULDER CRACKS AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT JPA / AME / 2021-2022 / 03

Bayaran Yuran dokumen tawaran : BND30.00 - tidak dikembalikan

Bayaran Yuran e-Dokumen : BND5.00 - tidak dikembalikan

Tarikh tutup tawaran : Isnin, 19 April 2021 (hingga jam 2.00 Petang)





**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS BANDAR SERI
BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 265 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MAHANI BINTI HAJI METUSSIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI METUSSIN BIN HAJI MOHAMMAD** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak perempuan** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 297 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MD AZREN BIN HAJI MAIDIN @ HAJI MOHIDDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MAIDIN @ HAJI MOHIDDIN BIN YUSSOF** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak lelaki** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 332 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI BOLHASSAN BIN HAJI KAMARUDDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI KAMARUDDIN BIN BURUT @ HAJI KAMARUDIN BIN BURUT** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak lelaki** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada

Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 358 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **RUBILYN T. BURCA** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **WONG HIEP CHING** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **orang yang dipercayai** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 363 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD AZRI BIN AWANG HAJI METALI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH GALOH BINTI AWANG BASAH** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak lelaki** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 364 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD AZRI BIN AWANG HAJI METALI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH SITI ZALIHA BINTI AWANG HAJI METALI** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **adik lelaki** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah

menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 422 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ABDUL HAFIZ BIN MOHD SALLEH** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHD SALLEH BIN HAJI METALI** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak lelaki** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 447 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PENGIRAN HAJAH UMI KALTHUM BINTI PENGIRAN HAJI SYED SHAHMINAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MOHD ALI BIN HAJI YAHYA** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **balu** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 459 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ROMAIDI BIN JUMAT** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH SITI ASANAH BINTI HAJI TAMIN @ HAJAH SITI ASNAH** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak lelaki** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 464 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ABU BAKAR BIN HAJI SULAIMAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH JIJAH BINTI OTHMAN** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **anak lelaki** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 473 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **WONG KAM YENG** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MARK LIEW VUN FAH** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **balu** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 481 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SALIA ANAK JAWA** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DUJONG ANAK JAWA** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **adik perempuan** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **20 April 2021, jam 9.00 pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 April 2021.

(MOHAMMAD FIKRI FATHUDDIN BIN ASSOKAN)

Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH BELAIT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH, 2005**

PERMOHONAN

**DALAM MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH
DAERAH BELAIT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Permohonan No. :
KB / MRS / MAL - B / S010A /
039 / 03 - 2021**

ANTARA

**NURUL HUDA BINTI ABDULLAH
@ LENNYSYURANIE ANAK SULAU
- Plaintiff
DAN
HAJI ROSLAN BIN ABDUL HAMID
- Defendan**

Kepada HAJI ROSLAN BIN ABDUL
HAMID (DEFENDAN yang dinamakan
diatas) beralamat TIDAK DIKETAHUI

KAMU adalah dengan ini disaman
supaya hadir secara sendiri atau melalui
Peguam Syari'e kamu di hadapan
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH BELAIT pada SELASA, 15

RAMADHAN 1442H / 27 APRIL 2021M,
jam 08.45 Pagi untuk menjawab tuntutan
terhadap kamu oleh plaintif yang
dinamakan di atas, butir-butir tuntutan itu
seperti dinyatakan dalam pernyataan
tuntutan yang diendorskan di sini.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu
ingkar hadir di mahkamah pada hari dan
masa yang ditetapkan, mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan dan
memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu
ingin membela diri terhadap tuntutan
tersebut, kamu hendaklah memfailkan di
mahkamah ini dan menyampaikan kepada
plaintif suatu pembelaan dalam borang
yang ditetapkan sebelum tarikh yang
disebut di atas atau hadir di mahkamah
pada tarikh itu.

Bertarikh :
29 Rejab 1442H / 13 Mac 2021M.

METERAI

Ditandatangani secara digital oleh

**ABDUL HADI BIN ALI
PENDAFTAR
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM**

KELAS : II & III SAHAJA

**KATEGORI : KA01& MO3 SAHAJA -
(KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
20 April 2021 (Selasa)**

**Tarikh Tutup :
4 Mei 2021 (Selasa)
Tidak Lewat dari jam 2.00 Petang**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSKB 009 / 2021**

**NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL UNTUK
MENGENDALI DAN MEMELIHARA
KOLAM OKSIDASI DI KAMPUNG LUMUT**



DALAM MASA 36 BULAN

**NO. PROJEK :
2021ADKB / B00411/ 002-003-001**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK**



**KEMENTERIAN TENAGA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PDP / 004 / 2021**

**TAJUK TAWARAN :
ENGINEERING DESIGN AND
SETTINGS FOR PROTECTION
SCHEME UPGRADE AND FIBRE
OPTICS FOR DES 66/11kV ANDUKI
SUBSTATION**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**KELAYAKAN :
KELAS III, IV ATAU V
dalam Kategori E03**

**Tarikh Tutup :
Selasa, 27 April 2021 (Jam 2.00 Petang)**



**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**



**BILANGAN SEBUT HARGA :
KSSUP / BPK / SH / 03 / 2021-2022**

TAJUK SEBUT HARGA :

**KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN
BILIK UNTUK DIJADIKAN BILIK
MESYUARAT VIRTUAL KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**YURAN SEBUT HARGA :
BND5.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 6 Mei 2021
Jam 2.00 Petang**



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**1. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 331 / 2020**

**TAJUK :
MINOR REPAIRWORKS AT BAHAGIAN
BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
KELAS : I & II**

KATEGORI : B01 SAHAJA

YURAN : TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

**2. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 332 / 2020**

**TAJUK :
LIFT MAINTENANCE -
MODERNIZATION OF 'ORONA'
CONTROL SYSTEM AND PARTS
REPLACEMENT OF PASSENGER
LIFT AT BANGUNAN JABATAN
HAL EHWAL SYARI'AH, KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA (LAMA).
KELAS : III**

KATEGORI : KPME 02 SAHAJA

YURAN : TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

**3. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 333 / 2020**

TAJUK :

**TERM CONTRACT 12 MONTHS FOR
GRASS CUTTING AND GROUND
MAINTENANCE WORKS AT
TANAH PERKUBURAN ISLAM BANDAR
ZONE 'A' AT SELECTED AREA,
DAERAH BRUNEI DAN MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
KELAS : III**

KATEGORI : KPME 02 SAHAJA

YURAN : TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

**Tarikh Tutup :
Rabu, 28 April 2021, 2.00 Petang**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DALAM
KELAS : III & IV
KATEGORI : B01**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM008 / 2021**

**NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI
BANGUNAN TERMINAL PERAHU
DAN PENUMPANG BANGAR,
TEMBURONG**

**NO. PROJEK :
2021DBSBM / MTIC.01**

**YURAN TAWARAN : BND50.00
(Tidak Dikembalikan)**

**Tarikh Tutup : 27 April 2021
(Selasa) Jam 2.00 petang**



Punca, anggaran kerugian masih dalam penyiasatan



KEBAKARAN kereta di kawasan berdekatan BIBD Connects, Kampung Perpindahan Lambak Kanan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Sebuah jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dari Balai Bomba Lambak Kanan, diketuai oleh ASO Haji Wahab bin Wahid, dikejarkan ke insiden kebakaran kereta, baru-baru ini, di kawasan berdekatan BIBD Connects, Kampung Perpindahan Lambak Kanan.

Apabila sampai di tempat

kejadian, didapati api besar membakar keseluruhan sebuah kereta jenis SUV.

Ahli Bomba segera bertindak memadam api tersebut menggunakan satu aliran hos 64mm ke 38 mm dan menggunakan *hose reel* sehingga padam.

Api dapat dikawal dan dipadamkan dalam masa lima minit.

Tiada korban jiwa dilaporkan dan

punca juga anggaran kerugian masih dalam penyiasatan.

JBP menyarankan orang ramai agar sentiasa meningkatkan pengetahuan tentang keselamatan kebakaran kereta dan memastikan pemasangan pendawaian bagi peralatan elektrik di kenderaan dilaksanakan oleh pekerja bengkel bertauliah supaya pendawaian yang dibuat itu adalah dengan cara yang betul dan tidak mendatangkan bahaya kebakaran.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk menyimpan Alat Pemadam Api Jenis Dry Chemical Powder di dalam kereta dan bagi kenderaan yang melebihi usia tujuh tahun ke atas adalah dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan di bengkel-bengkel yang mahir dan bertauliah.

JBP ingin memaklumkan, bahawa JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan dan mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke JBP menerusi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.

Kereta terbakar : Tidak ada korban jiwa



KEBAKARAN kereta yang melibatkan di bahagian enjin sahaja.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Dua buah jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dari Balai Bomba Jerudong, diketuai oleh DSO Serudin bin Haji Osman dikejarkan ke insiden kebakaran kereta, baru-baru ini, di kawasan Kampung Katimahir, berdekatan Deli Furniture.

Setelah sampai di tempat kejadian, didapati kebakaran tersebut sudah dipadamkan oleh pemandu kereta tersebut menggunakan pasir dan air.

Kebakaran tersebut hanya melibatkan bahagian enjin sahaja.

Ahli Bomba bertindak menggunakan sebatang hos 38 mm dan membuka kepala bateri kereta menggunakan Crowbar.

Tidak ada korban jiwa dilaporkan dan punca juga anggaran kerugian masih dalam penyiasatan.

JBP menyarankan orang ramai agar sentiasa meningkatkan pengetahuan tentang keselamatan kebakaran kereta dan memastikan pemasangan pendawaian bagi peralatan elektrik di kenderaan dilaksanakan oleh pekerja bengkel bertauliah supaya pendawaian yang dibuat itu adalah dengan cara yang betul dan tidak mendatangkan bahaya kebakaran.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk menyimpan Alat Pemadam Api Jenis Dry Chemical Powder di dalam kereta dan bagi kenderaan yang melebihi usia tujuh tahun ke atas adalah dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan di bengkel-bengkel yang mahir dan bertauliah.

JBP ingin memaklumkan, bahawa JBP ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan dan mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke JBP menerusi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.

NIKMATI TASTE OF RAMADAN DI ANJUNG SAUJANA



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 April. - Taste of Ramadan di Anjung Saujana, kini kembali, dengan menghadirkan lebih 100 jenis masakan setiap hari, pada bulan Ramadan, tahun ini.

Menu bufet untuk berbuka puasa juga menyajikan pelbagai makanan, di pondok-pondok (*stations*) yang disediakan, seperti Mandy Kambing bersama Nasi, Shawarma, Makanan Laut, Sayap Ayam Bakar, Daging Bakar juga

pelbagai hidangan masakan yang lain, di samping, makanan-makanan pencuci mulut (*desserts*), seperti ais kacang, cendol, Pastri-pastri Perancis (French Pastries) juga Kek Batik RBC juga ditawarkan.

Semua hidangan yang lazat ini akan disajikan mengikut giliran menu mingguan.

Nikmati Taste of Ramadan di Anjung Saujana sehingga penghujung Ramadan, dengan

TASTE of Ramadan di Anjung Saujana kembali dengan menghadirkan lebih 100 jenis masakan setiap hari pada bulan Ramadan tahun ini (kiri dan kanan).

harga BND33.90 untuk orang dewasa dan BND17.90 untuk kanak-kanak.

Anjung Saujana juga menyediakan Set Kombo Ayam dan Kambing Timur Tengah (Middle East Chicken and Lamb) bagi pesanan Take Away, bermula 2.00 petang hingga 8.30 malam.

Pemegang Kad Ahli RBC Dining Privilege boleh menikmati potongan 10 peratus semasa promosi bufet tersebut, tertakluk pada terma dan syarat.

Orang ramai yang ingin membuat tempahan, bolehlah terus menghubungi Restoran Anjung Saujana menerusi talian +673 2331853 atau melayari laman sosial Instagram @anjungsaujanarestaurant untuk mendapatkan maklumat dan promosi terkini.

SEMUA hidangan yang lazat ini akan disajikan mengikut giliran menu mingguan.



MEMPERTAHANKAN ADAT, BUDAYA MASYARAKAT TUTONG



ANTARA busana atau pakaian masyarakat atau Puak Tutong yang masih digunakan atau dipraktikkan dan cuba dipertahankan (kiri). Sementara gambar kanan, Pengerusi IMPAK Pengerak Belia Tutong, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan (kiri sekali) sangat peka akan mempertahankan adat dan budaya khususnya masyarakat dan Puak Tutong.

Berita dan Foto : Ihsan Ajees Hamdan

TUTONG, Khamis, 15 April. - Adat dan budaya merupakan simbolik yang penting khususnya bagi sesebuah puak dan masyarakat. Sebagaimana yang kita ketahui, setiap masyarakat mempunyai adat dan budaya mereka yang tersendiri. Begitu juga dengan Puak Tutong yang juga banyak adat dan telah diamalkan sejak zaman nenek moyang lagi namun sehingga ke hari ini, ia semakin pupus dan tidak dipraktikkan lagi.

Namun terdapat juga beberapa adat dan budaya yang masih dipraktikkan seperti Adat Berbasuh Kaki. Menurut Pemangku Ketua Kampung Sengkarai, Tutong,

Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang juga selaku Pengerusi IMPAK Pengerak Belia, Tutong, baru-baru ini, beliau terkilan kerana terdapat beberapa adat telah dilupakan khusus oleh belia-belia muda di daerah berkenaan.

Antaranya, ketika menghadiri majlis perkahwinan masyarakat Tutong, pengantin lelaki akan diarak menggunakan Bangkar iaitu sejenis alat berbentuk kapal yang seakan-akan terapung dan direka khas di atas kayu buluh.

Selepas itu, bila sahaja menghampiri rumah pengantin perempuan, pengantin lelaki akan menaiki usungan yang diangkat oleh beberapa orang kaum lelaki

yang berbadan tegap atau sasa.

Inilah antara salah satu adat yang sudah tidak dipraktikkan lagi dan tidak digunakan oleh Puak Tutong pada zaman ketika ini. Antara alasan, disebabkan peralihan zaman yang serba moden dan kemudahan jalan raya untuk memudahkan kita sampai menuju ke destinasi dengan lebih cepat.

Sebaik sahaja Awang Abdul Aziz diberikan kepercayaan untuk memegang Bahagian Seni dan Kebudayaan di bawah Badan Kemajuan Kreatif, Daerah Tutong, beliau mula menghidupkan kembali adat dan budaya Puak Tutong dengan memperkenalkan pakaian pengantin Puak Tutong.

Beliau turut memperkenalkan belia-belia Tutong dengan

memperagakan pakaian pengantin Puak Tutong sama ada lelaki dan perempuan khususnya pada acara-acara kebesaran seperti Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan dan ketika mengalu-alukan kedatangan pengunjung ke Daerah Tutong.

"Memang hasrat saya, agar orang awam atau orang ramai terutama belia dapat menggunakan kembali pakaian pengantin Puak Tutong ini dapat digunakan ketika majlis persandingan atau sama ada malam berbedak.

"Saya terkilan sebab kebanyakan pengantin yang asal dari Puak Tutong mereka menggunakan pakaian pengantin Brunei moden ketika Majlis Berbedak, apa bezanya dengan

pakaian Puak Tutong?

"Alhamdulillah, akhirnya hasrat saya agar pakaian ini digunakan tercapai khususnya pada 10 April 2021 lalu, tercatat satu sejarah di mana salah seorang belia penduduk Kampung Petani telah menyahut cabaran secara suka rela untuk menggunakan pakaian pengantin Puak Tutong ketika Majlis Malam Berbedak beliau iaitu Dayang Amal Rasyidah binti Raya," ujar beliau.

Adat resam perlu dipertahankan jika tidak melanggar akidah Islam, justeru belia-belia harus tahu akan peninggalan adat ini supaya tidak pupus dan tenggelam sehingga generasi yang akan datang tidak mengetahuinya seperti pepatah Melayu, 'Biar hilang anak, jangan hilang adat'.

Bantu golongan kurang berkemampuan



ANTARA sumbangan berbentuk makanan asasi dan keperluan rumah yang disumbangkan oleh orang ramai melalui pada Program Jelajah Ramadan yang dikendalikan oleh Projek Bina Ukhwah (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 April. - Program Jelajah Ramadan yang dikendalikan oleh Projek Bina Ukhwah (PBU) bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan, di keempat-empat daerah dengan cara mengumpul sumbangan daripada orang ramai.

PBU mempunyai seramai 150 sukarelawan yang giat menjalankan program tersebut, di mana pada tahun ini merupakan siri kelima (Program Jelajah Ramadan 5.0) dan sambutan daripada orang ramai setakat ini, begitu menggalakkan sekali.

Bagi menyertai program ini, orang ramai mula-mula sekali boleh membeli barang yang disenaraikan, seperti beras, minyak makan, makanan tin dan peralatan mandi.

Kemudian, setelah sedekah yang dipilih telah dibeli, boleh diletakkan di dalam 'Basket Ramadan', yang disediakan oleh Ahli-ahli PBU dan mereka kemudian akan mengutip derma awda.

Sumbangan dibukakan sejak 13 April lalu dan berakhir pada 22 April ini, di Bilik Media 1 dan 2, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Orang ramai berpeluang untuk memberi barang sumbangan, berbentuk makanan asasi dan keperluan rumah ke tempat yang ditentukan atau melayari

Jelajah Ramadhan 2021

Sempena dengan bulan Ramadhan Al-Mubarak ini, sertailah kami dengan memberikan sumbangan keperluan asasi kepada keluarga yang kurang berkemampuan di Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 13 - 22 April 2021

Tempat: Block Pentadbiran, Stadium Negara Hassanal Bolkiah (Bahagian bawah tangga besar)

Masa: 9 am - 4 pm & 7 pm - 9 pm

BERAS

MINYAK MAKAN

MAKANAN TIN & MINUMAN

BARANGAN MANDI

Hubungi kami di : +673 713 7043 - Syakirah
 @projek_binaukhwah | <https://projekbinaukhwah.mystrkingly.com/>

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
 Foto dan Infografik : Ihsan Projek Bina Ukhwah

Instagram @projek_binaukhwah bagi mengetahui maklumat lanjut.

Dengan adanya program penuh bermanfaat ini akan dapat

membantu meringankan beban golongan kurang berkemampuan agar dapat menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan dengan penuh rasa syukur.



Pameran kaligrafi unik jadi tarikan pengunjung

Oleh : Nurul Hazwani Abu Omar
Foto : Azmah Haji Ahad

PUSAT Pengajian Kaligrafi dan Kesenian Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) merupakan pusat berpotensi tinggi untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara berdasarkan beberapa pameran kaligrafi yang unik.

Pusat tersebut memulakan operasinya di Rumah Semaun pada 22 Julai 2013, yang berfungsi sebagai pusat membantu YSHHB dalam menyebarkan keunggulan Islam dengan menyediakan platform untuk pengembangan pendidikan seni Islam di Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan ini adalah untuk menegakkan visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menghasilkan orang-orang yang mahir dari kalangan warganegara tempatan yang dapat menyumbang kepada perkembangan seni Islam di negara ini, sesuai dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan penduduk yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Ketika pusat ini mula beroperasi pada tahun 2013, ia terlibat dalam penyediaan sumber tenaga manusia yang mahir dalam bidang kesenian Islam. Untuk itu, pusat ini telah menandatangani sejumlah Memorandum Persefahaman (MoU) dengan institusi dalam bidang kaligrafi Islam, termasuk Kolej Antarabangsa Restu di Shah Alam, Malaysia; Pesantren Kaligrafi Al-Quran (LEMKA), Indonesia; dan Pusat Penyelidikan Sejarah, Seni dan Budaya OIC, Republik Turki.

Konsep

Konsep Pusat Pengajian Kaligrafi dan Kesenian Islam YSHHB adalah untuk memberi kemudahan dalam mempelajari seni Islam, khususnya seni khat dan seni hiasan Islam.

Pusat ini menawarkan program pengajian dan menyediakan perkhidmatan untuk mengembangkan pengetahuan, kecekapan dan kemahiran dalam seni Islam ke arah memartabatkan tulisan Jawi di negara ini, terutama kaligrafi Islam.

Program pengajian berbentuk formal sememangnya ditawarkan di pusat ini, yang mana sejumlah kursus pendek dikendalikan iaitu penulisan Khat asas dan lanjutan serta Reka Bentuk Seni Islam yang terbuka untuk penyertaan orang ramai.

Pusat ini juga menawarkan salinan semula Yaa Siin, Takhtim dan doa tulisan tangan dan

kaligrafi tulisan tangan dari ayat-ayat Al-Quran.

Galeri

Pusat ini mempunyai tiga galeri, termasuk Galeri Lauhah Al-Islamiah; Galeri Al-Aswad dan Galeri At-Tasmeem.

Galeri Lauhah Al-Islamiah mempamerkan seni dan artifak antarabangsa dengan memfokuskan kepada koleksi karya seni Khat dan penerangan (zukhruf) dari Pusat Pengajian Kaligrafi dan Kesenian Islam, yang dibuat terutamanya dengan menggunakan medium, seperti kanvas dan waraq muqhar iaitu kertas berkilat buatan tangan tradisional khas, di mana semuanya dilakukan dengan cara tradisional.

Galeri Al-Aswad mempamerkan seni, artifak dan proses penulisan yang berkaitan dengan perkembangan kemahiran menulis Jawi di Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan teknologi hologram. Karya seni khat yang dipamerkan memusatkan perhatian pada tujuh bentuk kaligrafi. Salah satunya ialah Khat Ak-Mansub iaitu kaedah kaligrafi yang banyak digunakan di seluruh peradaban Islam.

Ada pun Galeri At-Tasmeem ini menampilkan koleksi reka bentuk dalaman melalui kolaborasi dengan pengusaha tempatan, yang dibuat dengan menggabungkan karya seni dan reka bentuk dari Pusat Pengajian Kaligrafi dan Kesenian Islam YSHHB.

Galeri ini dibuka untuk kunjungan orang

ramai termasuk pelajar dan pelancong.

Kemudahan

Selain dari galeri, pusat ini juga dilengkapi dengan beberapa kemudahan, seperti bilik kuliah untuk mengadakan kursus asas dan pendahuluan dalam reka bentuk kaligrafi Islam; Dewan Al-Ma'rifah yang merupakan ruang serbaguna untuk bengkel, seminar dan forum, serta Kedai Cenderamata Semaun yang menawarkan pelbagai produk dan cenderahati bertema Islam yang menggabungkan elemen seni Islam dan reka bentuk kaligrafi oleh pengusaha tempatan dan perniagaan. Pusat ini juga mempunyai Semaun Café, ruang Al-Muzakarah untuk mengadakan pertemuan atau perbincangan dan ruang solat (Musolla).

Kursus

Menurut Penolong Pegawai Pusat Pengajian Kaligrafi dan Seni Islam YSHHB Awang Hamdy bin Emran, antara kursus yang ditawarkan adalah Seni Diwani Khat, Seni Nasakh Khat, Seni Thuluth Khat, Reka Bentuk Islam dan Seni Cat Air. Semasa aktiviti sekolah, pusat ini juga akan mengadakan aktiviti, seperti pertandingan Seni Khat, Seminar Seni Islam Antarabangsa dan perjumpaan Khatat tempatan.

Awang Hamdy berharap lebih banyak pengunjung yang akan berkunjung ke galeri ini bukan sahaja kalangan pelancong, tetapi juga pelajar tempatan, agar ia dapat memberi inspirasi kepada pelajar dalam karya seni.

Sempena bulan Ramadan ini, pusat tersebut dibuka waktu pejabat pada Selasa, Khamis, Sabtu dan Ahad dari 8.00 pagi hingga 2.00 petang. Sementara Jumaat, dibukakan pada 8.00 pagi hingga 10.30 pagi.





Badan sihat sepanjang Ramadan

Oleh : Nurul Hazwani Abu Omar
Foto : Azmah Haji Ahad

RAMADAN adalah peluang untuk mendapatkan pengampunan dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap kali Ramadan tiba, semangat berkobar-kobar yang mana semua umat Islam mudah melaksanakan ibadat sunat seperti Sembahyang Tarawih dan amalan-amalan sunat lain.

Untuk kekal istiqamah dalam melaksanakan ibadah sepanjang Ramadan, kita perlu fokuskan beberapa perkara; pertamanya niatkan ibadah yang dilakukan adalah kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap ibadah yang kita lakukan mestilah diniatkan kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon agar setiap ibadah diterima oleh-Nya.

Dengan menahan lapar dan dahaga pada bulan puasa, ini merupakan peluang bagi kita untuk menjaga kesihatan dan kekal sihat pada sepanjang bulan Ramadan dengan menjaga pemakanan.

Pengambilan Makanan

Pengambilan makanan pada bulan puasa tidak seharusnya berbeza daripada bulan-bulan yang lain. Pemakanan kita sepatutnya dapat membekalkan tenaga, vitamin dan mineral yang sepatutnya agar dapat menjalankan tugas-tugas harian

seperti biasa. Makan secara sihat ketika bersahur dan bersungai adalah penting untuk menghindar beberapa masalah kesihatan yang biasa berlaku di bulan puasa seperti sembelit, makanan tidak hadam, kembung perut, pedih ulu hati dan kandungan gula rendah dalam darah. Ini penting untuk membolehkan seseorang itu berpuasa dengan selesa dan mendapat fadhilat yang sewajarnya pada bulan puasa. Oleh itu, makanlah secara sederhana dan pastikan pengambilan makanan yang seimbang untuk kekal sihat pada bulan puasa.

Bersahur

Atur waktu awda untuk makan sahur pada akhir waktu. Selain bermanfaat untuk puasa awda pada siang hari, makan sahur pada akhir waktu lebih diutamakan berdasarkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sunat bagi orang yang hendak mengerjakan puasa itu bersahur dengan sesuatu makanan walaupun sedikit, hatta walau dengan sebiji kurma ataupun seteguk air kerana bersahur itu mengandungi keberkatan sepertimana tersebut dalam sebuah hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim yang bermaksud : *"Bersahurlah kamu kerana sesungguhnya dalam sahur itu terdapat keberkatan"*.

Makanlah dengan porsi normal,

jangan berlebihan. Fokuslah untuk mengonsumsi makanan yang kaya dengan karbohidrat kompleks dan protein serta buah dan sayuran. Begitu juga makanan yang mengandungi banyak air semasa bersahur juga sangat baik untuk hidrasi tubuh awda sepanjang hari.

Akhiri makan sahur dengan segelas susu untuk melengkapi nutrisi tubuh anda. Minumlah suplemen ataupun multivitamin yang biasa awda konsumsi ataupun yang disarankan oleh doktor awda. Hadkan pengambilan makanan yang terlalu manis dan mengandungi banyak gula. Minumlah air secukupnya. Sebelum waktu imsak tiba, minumlah air yang cukup, tiga hingga lima gelas. Sebaiknya hindari minuman berkafein seperti kopi dan teh kerana ia bersifat diuretik dan membuat tubuh kehilangan cairan lebih cepat melalui air kencing.

Sepanjang berpuasa pada siang hari, jika ada waktu, ambil kesempatan untuk merehatkan tubuh awda, untuk menggantikan waktu tidur yang kurang disebabkan bangun awal untuk bersahur.

Jika ada kesempatan pada waktu siang, buatlah olahraga ringan. Walau bagaimanapun, tidaklah menjadi masalah untuk tidak melakukan atau mengurangkan senaman sepanjang bulan Ramadan. Ini adalah untuk merehatkan badan yang aktif sepanjang tahun dan membolehkan badan memperbaiki segala

sel-sel tubuh. Ini sangat baik untuk menjaga kesegaran tubuh dan melancarkan peredaran darah.

Berbuka Puasa

Saat tibanya waktu berbuka puasa, janganlah makan dengan berlebihan. Ikutlah sunnah, iaitu dengan buah kurma dan minuman yang manis seperti minum dengan susu, jus buah ataupun sekadar air. Minumlah air secukupnya untuk mengganti cairan tubuh yang hilang selama berpuasa. Setelah itu barulah makan dengan menu yang seimbang. Makanlah sesuai dengan porsi yang biasa, tidak perlu berlebihan. Cukupkan dengan karbohidrat, protein serta sayuran dan buah-buahan. Hindari makan makanan bergoreng secara berlebihan, serta jauhilah makanan yang pedas, agar perut tidak menjadi sakit dan mengganggu pencernaan tubuh awda.

Untuk mengelakkan pengambilan makanan atau minuman secara berlebihan, kita perlulah bersederhana semasa menghidang juadah terutamanya ketika berbuka puasa. Sudah tentulah sukar untuk mengawal selera makan sekiranya pelbagai jenis juadah sudah ada di depan mata. Selain daripada itu, awda juga harus ingat tujuan berpuasa adalah untuk mendapatkan pahala dan keberkatan. Oleh itu, elakkan pembaziran kerana ini boleh mengurangkan pahala amalan puasa itu sendiri.



Lawatan Masjid

Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.
Foto : Ihsan Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Ramadan adalah masa untuk mengasah kerohanian. Di Negara Brunei Darussalam, waktu siang lazimnya agak sunyi dan tenang kerana pada bulan suci ini, makan, minum dan merokok di tempat awam adalah dilarang, manakala restoran pula ditutup atau lengang sepenuhnya.

Apabila senja hampir menjelang, tempat ini menjadi hidup kerana ketika inilah penduduk tempatan berpusu-pusu ke Bazar Ramadan dan keluarga berkumpul di restoran untuk berbuka puasa. Dan ada juga yang berbuka puasa di masjid dan seterusnya menunaikan Solat Sunat Tarawih.

Mungkin sebahagian pelancong merasakan ia bukan masa terbaik untuk berkunjung, tetapi bagi mereka yang mencari keunikan mengenai negara, sejarah dan budaya, maka ini adalah masa yang sesuai untuk datang ke Negara Brunei Darussalam.

Masjid merupakan tempat yang tidak dapat dipisahkan dalam masyarakat setempat, merupakan tempat untuk menunaikan solat, pencerahan rohani dan memohon petunjuk. Kegiatan keagamaan juga dilakukan di masjid seperti membaca dan mempelajari Al-Quran, perjumpaan dan kuliah agama serta upacara perkahwinan. Lazimnya, setiap kampung terdapat sebuah masjid. Panggilan azan dapat didengar di seluruh negara dari menara masjid. Semuanya mempunyai seni bina yang dirancang dengan baik, dari bentuk sederhana hingga yang menakjubkan.

Masjid *hopping* atau bergerak dari masjid ke masjid adalah satu pengalaman yang menarik untuk mendekati masjid-masjid yang terdapat di negara ini khususnya semasa bulan Ramadan ini. Penduduk tempatan bolehlah menggunakan peluang ini untuk berbuka puasa dan menunaikan Solat Sunat Tarawih di masjid-masjid yang berbeza dengan orang yang berbeza.

Lawatan masjid juga membantu mengeratkan perpaduan komuniti setempat, dalam kalangan orang Islam dan bukan Islam. Program Masjid Tour antara program yang boleh diikuti oleh orang ramai untuk mendekati masjid-masjid di negara ini. Ia diselenggarakan oleh Belia Muallaf As-Syadah iaitu sebuah pertubuhan NGO, di bawah naungan Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Program Keagamaan Belia, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Di antara aktiviti dijalankan adalah termasuk penerangan budaya dan agama Islam, seni bina Islam serta sejarah pembinaan masjid yang dilawati dan kelas tulisan Jawi. Mereka yang berminat bolehlah menghubungi melalui Instagram @as.syadah.



Perhatian

- Sebelum memasuki masjid, pengunjung dikehendaki untuk menanggalkan topi dan kaca mata hitam. Kasut perlu ditanggalkan dan ditinggalkan di luar.
- Dilarang mengambil gambar ketika jemaah sedang menunaikan solat atau sedang berwuduk.
- Elakkan mengeluarkan suara yang kuat, kerana ia boleh mengganggu serta elakkan perbualan yang tidak perlu semasa berada di dalam masjid.
- Tidak dibenarkan membawa masuk makanan dan minuman ke dalam masjid.
- Telefon bimbit hendaklah dimatikan atau dalam mod senyap semasa berada di dalam masjid.
- Gunakan pakaian yang bersesuaian. Wanita akan diminta menutup kepala, bahu dan lutut. Beberapa masjid ada menyediakan jubah dan selendang untuk pengunjung perempuan.
- Tidak dibenarkan berjalan atau melintas di hadapan orang yang sedang solat.
- Semasa duduk di lantai, kaki tidak boleh ditujukan ke arah Kiblat (Kiblat merujuk ke arah Kaabah di mana umat Islam berdoa menghadap ke arah ini).



PALESTIN HARGAI BANTUAN CHINA



RAMALLAH, 16 April. – Palestin amat menghargai bantuan vaksin COVID-19 yang dihulurkan China dan setakat ini lebih 35,000 rakyat negara itu sudah menerima suntikan masing-masing.

Dalam temu bual bersama Kumpulan Media China (CMG) baru-baru ini, Pengarah Pejabat China di Palestin, Guo Wei berkata, kerjasama China-Palestin dalam bidang vaksin telah memberi sumbangan baharu kepada pembinaan Komuniti Berkongsi Nasib.

Menurut Guo, vaksin yang

disumbangkan China selamat tiba di Palestin pada 29 Mac lalu ketika negara itu menghadapi kekurangan vaksin.

Untuk rekod, jumlah vaksin disumbangkan China adalah yang terbanyak diterima Palestin setakat ini.

Perdana Menteri Palestin, Mohammad Ibrahim Shtayyeh merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih manakala Menteri Kesihatan Mai al-Kaila dan Menteri Luar, Riyad al-Maliki pula menyifatkan China ibarat sahabat, saudara dan rakan

yang rapat.

China mengotakan janji untuk menjadikan vaksin sebagai "barang keperluan awam global" dan menghulurkan bantuan kepada Palestin serta negara membangun lain.

Ketibaan vaksin China di Palestin turut menjadi tajuk utama kebanyakan media negara itu.

Setakat ini, individu yang telah menerima suntikan dilaporkan tidak mengalami alahan yang teruk, secara tidak langsung membuktikan kepercayaan rakyat Palestin terhadap keselamatan dan

keberkesanan vaksin China.

Menurut Guo, pandemik COVID-19 tidak akan menjadi halangan kepada persahabatan China-Palestin, sebaliknya meningkatkan lagi kepercayaan

satu sama lain dan memperkasa kerjasama kedua-dua negara.
- ©BERNAMA

Penglibatan Afrika dalam BRI, Jana gagasan 2063

BEIJING, 16 April. - Agenda 2063 memperlihatkan kerangka tindakan Afrika serta merupakan perancangan dan harapan pembangunan bagi rakyat di benua itu.

Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) telah menyediakan ruang baharu kepada negara di dunia untuk mewujudkan pembangunan sosioekonomi dan melaksanakan Agenda 2030 Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Pada hujung 2020, Cina dan Kesatuan Afrika (AU) menandatangani perancangan bagi kerjasama membangunkan BRI sekali gus membuka lembaran baharu dalam pembinaan BRI dan Agenda 2063.

Ketika Menteri Luar, Wang Yi melawat ke Botswana Januari lalu, kerajaan kedua-dua negara menandatangani dokumen kerjasama yang berkaitan, menjadikan Botswana rakan ke-46 Cina di Afrika dalam pembangunan BRI.

Untuk rekod, Afrika merupakan komponen penting bagi kerjasama BRI yang kini menyaksikan sebanyak lebih 40 buah negara benua itu dan Suruhanjaya AU meterai kerjasama di bawah BRI, bersamaan satu pertiga daripada jumlah kesepakatan di seluruh dunia.

Projek pembangunan landasan kereta api, lebuh raya, lapangan terbang, pelabuhan dan loji

janakuasa dipercayai banyak memacu pembangunan sosio-ekonomi setempat.

Sebagai rakan dagang terbesar bagi Afrika untuk tempoh 11 tahun berturut-turut selain merupakan sumber utama pelabur, Cina menyumbang lebih 20 peratus kepada pertumbuhan ekonomi benua itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Ketua Delegasi Afrika ke Cina, Martin Mpana berpendapat BRI membawa banyak sumber dan peluang pembangunan kepada Afrika.

Beliau turut berharap lebih banyak negara dapat menyertai inisiatif tersebut. - ©BERNAMA

Sidang Kemuncak Moon-Biden diharap bantu proses pelucutan senjata nuklear

SEOUL, 16 April. - Kementerian Perpaduan Korea Selatan pada Jumaat menyuarakan harapan sidang kemuncak antara Presiden Moon Jae-in dan Presiden Joe Biden akan membantu meningkatkan hubungan antara Korea selain memperkukuh usaha pelucutan senjata nuklear di Semenanjung Korea, lapor Yonhap.

Terdahulu pejabat presiden mengumumkan, Moon dijadual mengadakan sidang kemuncak pertama dengan Biden di

Washington D.C. pada pertengahan Mei.

"Kami berharap sidang kemuncak itu nanti membantu membina kesepakatan yang kukuh antara pemimpin kedua-dua negara mengenai pelucutan senjata nuklear dan membawa keamanan di Semenanjung Korea, serta meningkatkan hubungan antara Korea," kata wakil jurucakap di Kementerian Cha Deok-cheol, dalam satu taklimat media.

Semakan semula mengenai

dasar Korea Utara oleh pentadbiran Biden kini di fasa akhir. Rundingan nuklear antara Washington dan Pyongyang menemui jalan buntu selepas sidang kemuncak 2019 di Hanoi yang berakhir tanpa kesepakatan.

Kedua-dua pihak masih berbalah mengenai sejauh mana Pyongyang perlu melaksanakan proses pelucutan senjata bagi merintis jalan untuk Washington menawarkan konsesi. - ©BERNAMA

Hubungan Malaysia-Uzbekistan kekal berdaya tahan walaupun hadapi tempoh mencabar

KUALA LUMPUR, 16 April. - Malaysia dan Uzbekistan mencapai kesepakatan dan kerjasama dalam pelbagai bidang terutama ketika kemuncak pandemik COVID-19 tahun lalu, membolehkan hubungan kedua-dua negara kekal berdaya tahan dalam sektor politik, ekonomi, perdagangan, pelancongan dan pendidikan.

Menurut kenyataan kedutaan Uzbekistan di Malaysia, pandemik global terbukti menjejaskan hubungan diplomatik di seluruh dunia, namun hubungan Malaysia dan Uzbekistan kekal kukuh pada tempoh yang mencabar ini.

"Hubungan dua hala Uzbekistan dan Malaysia terus makmur selama lebih dua dekad dan kini ia semakin kukuh apabila kedua-dua negara tahun ini menyambut ulang tahun ke-29 hubungan diplomatik dan

dua hala.

"Hubungan itu dibina atas dasar saling menghormati, keamanan, dan kemakmuran bersama," kata kedutaan dalam satu kenyataan kepada Bernama.

Uzbekistan dan Malaysia mula menjalin hubungan diplomatik pada 1992, setahun selepas republik itu mengisytiharkan kemerdekaannya dari Soviet Union, dan menganggotai kumpulan negara-negara bekas wilayah Kesatuan Soviet dikenali Komanwel Negara-Negara Merdeka.

Uzbekistan terus menjadi rakan strategik ekonomi dan perdagangan Malaysia di Asia Tengah, dengan perolehan perdagangan antara kedua-dua negara mencatatkan hampir US\$76 juta pada 2020.

Menurut kenyataan itu, Forum

Antara Parlimen Malaysia dan Uzbekistan kali kedua telah berlangsung semalam.

Selain itu, kedua-dua negara juga pernah menganjurkan beberapa program lain termasuk Forum Antara-Parlimen kali pertama pada Jun 2020, menubuhkan Kumpulan Persahabatan antara Parlimen pada 2020 serta penubuhan Jawatankuasa Perdagangan Bersama Uzbek-Malaysia pada 2005.

Sebelum ini, Duta Uzbekistan ke Malaysia, Ravshan Usmanov dilaporkan berkata pembukaan pejabat MATRADE di Tashkent pada Oktober 2019 menunjukkan minat mendalam kerajaan Malaysia untuk memperluas lagi hubungan dagangan dua hala dengan Uzbekistan. - ©BERNAMA

Arab Saudi sumbang lebih sejuta naskhah Al-Quran dalam 21 bahasa ke 29 negara

RIYADH, 16 April. - Arab Saudi menghantar 1.2 juta naskhah al-Quran pelbagai ukuran dan 21 bahasa ke 29 negara di seluruh dunia sebagai sebahagian daripada program sumbangan Penjaga Dua Masjid Suci.

Percetakan al-Quran itu dilaksana dengan kerjasama kedutaan Arab Saudi serta pusat Islam dan budaya di negara yang terlibat, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Menteri Hal Ehwal Islam, Seruan dan Bimbingan, Abdullatif Al-Sheikh, selaku Penyelia Umum Kompleks Raja Fahd untuk Percetakan al-Quran, merakamkan penghargaan kepada Raja Arab Saudi Raja Salman Abdulaziz Al-Saudi yang prihatin dan bermurah hati untuk menayakan usaha itu. - ©BERNAMA

Thailand : Hari malang buat seorang lelaki dan tiga gajah

BANGKOK, 16 April. - Seorang lelaki maut dipijak seekor gajah dalam kejadian di bandar timur laut Nakhon Ratchasima sementara dalam satu lagi insiden berasingan tiga ekor gajah mati apabila ribut melanda daerah Mae Wang di wilayah utara Chiang Mai, Thailand.

Dalam kejadian pertama, lelaki tempatan berusia 55 tahun itu dilaporkan sedang memberi gajah itu makan di sebuah pusat peranginan di Jalan Thanarat di daerah Pak Chong di Nakhon Ratchasima pada Khamis.

Media tempatan melaporkan lelaki yang bertugas sebagai pegawai teknikal sanitasi di Majlis Perbandaran Nakhon Ratchasima sedang bercuti bersama ahli keluarganya.

Mangsa mengalami patah tulang dan ditemui maut berdekatan gajah betina berusia 28 tahun yang dikenali sebagai 'Cherry'. "Polis percaya lelaki yang memandu kenderaan pacuan empat roda berhenti seketika untuk memberi tebu kepada gajah yang diikat pada sebatang pohon di tepi jalan. Kami percaya gajah itu menyerangnya ketika mangsa menghampiri haiwan berkenaan," lapor Bangkok Post.

Menurut penggembala, Peng Yimran, gajah betina itu dibawa ke resort untuk aktiviti pelancongan. Penggembala mendakwa gajah itu sudah banyak kali dibawa ke resort itu dan tidak pernah bertindak agresif sebelum ini.

Dalam satu lagi kejadian, tiga gajah mati dihempap pokok besar ketika ribut melanda daerah Mae Wang di wilayah utara Chiang Mai. Menurut laman Facebook Thai Elephant Alliance, ribut menyebabkan sebatang pokok setinggi 50 meter tumbang dan menghempap tempat perlindungan haiwan berkenaan.

Ketika kejadian terdapat enam ekor gajah di tempat perlindungan itu. "Tiga lagi gajah yang cedera kini dirawat," katanya. - ©BERNAMA

Lapan maut dalam kejadian tembakan di Indianapolis

MOSCOW, 16 April. - Lapan maut di tempat kejadian dalam insiden tembakan besar-besaran di sebuah kemudahan syarikat perkhidmatan penghantaran FedEx di bandar Indianapolis Amerika Syarikat, lapor Sputnik.

Jurucakap polis tempatan, Genae Cook, pada Jumaat berkata beberapa lagi mangsa yang cedera dimasukkan ke hospital. Sekurangnya seorang mangsa dalam keadaan kritikal, katanya.

Tiada pegawai polis cedera dalam kejadian itu. Menurut maklumat awal, penyerang kemudian bertindak membunuh diri. - ©BERNAMA



OLIMPIK TOKYO, PENAJA TUNGKUS LUMUS PIKAT PENONTON SELURUH DUNIA

TOKYO, 15 April. - Berbaki 100 hari menjelang Olimpik dan Paralimpik Tokyo musim panas, penaja kejohanan menggunakan teknologi canggih untuk

menyajikan penonton di seluruh dunia kemeriahan temasya itu.

Di tengah penularan pandemik COVID-19, jawatankuasa penganjur Tokyo Games memutuskan tidak membenarkan kehadiran penonton luar negara.

Dijangka peminat tempatan juga akan dilarang hadir bagi menyaksikan kejohanan itu, lapor Jiji Press.

Pada Selasa, Nippon Telegraph dan Telephone Corp merakamkan acara larian obor Olimpik Osaka yang diadakan di Taman Peringatan Expo'70 di Suita, wilayah barat Jepun.

Rakaman itu kemudian dikongsi menerusi telefon pintar untuk tontonan orang ramai secara percubaan dan merancang menawarkan perkhidmatan tersebut untuk acara lain.

"Saya mahu penonton yang tengok rakaman acara itu merasakan seolah-olah mereka

berada di venue," kata seorang pegawai NTT.

NTT Docomo Inc, telah mewujudkan stesen pangkalan untuk rangkaian tanpa wayar generasi 5G di sekitar lokasi Olimpik Tokyo berlangsung, bertujuan mempromosikan teknologi komunikasi berkelajuan tinggi.

Di samping itu NTT Docomo juga mempertimbangkan untuk menawarkan perkhidmatan berasaskan 5G sepanjang penganjur kejohanan berkenaan.

Tetapi, syarikat mengalami kesukaran untuk meneruskan rancangan tersebut, selagi

keputusan sama ada penonton tempatan dibenarkan hadir atau sebaliknya dimuktamadkan, memetik sumber.

Dua lagi pembekal utama telefon bimbit tempatan, KDDI Corp dan SoftBank Corp, juga menambah baik stesen pangkalan 5G mereka, walaupun tidak menjadi penaja.

Kenderaan elektrik keluaran Toyota Motor Corp akan digunakan untuk membawa atlet dan pegawai di perkampungan atlet. NEC Corp pula merancang menawarkan sistem pengecaman wajah untuk digunakan di perkampungan atlet dan pusat media untuk membantu melancarkan operasi. - ©BERNAMA

AS kenakan sekatan, usir diplomat Rusia

WASHINGTON, 16 April. - Amerika Syarikat (AS) pada Khamis mengenakan sekatan terhadap Rusia dan mengusir 10 diplomat negara itu sebagai tindak balas terhadap tuduhan campur tangan pilihan raya dan kegiatan siber, lapor Xinhua.

Rumah Putih dalam satu kenyataan berkata Presiden Joe Biden telah menandatangani perintah eksekutif sekatan baharu terhadap Rusia.

Menurut perintah itu, Jabatan Perbendaharaan AS mengeluarkan arahan melarang institusi kewangan AS mengambil bahagian dalam pasaran utama bon denominasi rubel atau bukan rubel yang dikeluarkan selepas 14 Jun 2021, oleh Bank Pusat Rusia, dana perbendaharaan negara, atau kementerian kewangan.

Perbendaharaan juga mengenakan sekatan ke atas enam syarikat teknologi Rusia yang "menyokong program siber Perkhidmatan Perisikan Rusia," dan 32 entiti serta individu kerana campur tangan Pilihan Raya Presiden AS 2020, kata kenyataan itu.

Di samping itu, Perbendaharaan, bersama Kesatuan Eropah, Britain, Australia, dan Kanada, menyenarai hitam lapan individu dan entiti berhubung kait isu Crimea.

AS turut mengusir 10 petugas misi diplomatik Rusia di Washington D.C. termasuk wakil Perkhidmatan Perisikan Asing Rusia.

Tahun lalu Perkhidmatan Perisikan Asing Rusia turut didakwa melakukan penggodaman SolarWinds.

Langkah itu diambil beberapa hari selepas Biden memberi amaran kepada rakan sejawatnya dari Rusia, Vladimir Putin bahawa AS akan "bertindak tegas untuk mempertahankan kepentingan negaranya sebagai tindak balas terhadap tindakan Moscow, seperti pencerobohan siber dan campur tangan pilihan raya".

Kremlin berulang kali menafikannya dan menyifatkan tuduhan campur tangan dalam pilihan raya AS 2020 tidak berasas selain kesal ia dijadikan alasan untuk mengenakan sekatan tambahan.

Hubungan antara Washington dan Moscow tegang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kedua-dua pihak bercanggah pendapat mengenai isu Ukraine, Syria, dan keselamatan siber, serta saling menuding jari wujud campur tangan politik. - ©BERNAMA

Argentina : Lebih 100 penunjuk perasaan berhimpun dekat kediaman Presiden

BUENOS AIRES, 16 April. - Lebih 100 orang berkumpul dekat kediaman Presiden Argentina, Alberto Fernandez membantah pelaksanaan pendidikan dalam talian untuk pelajar sekolah di tengah pandemik COVID-19, lapor Sputnik.

Penunjuk perasaan kebanyakannya kanak-kanak, mengetuk periuk, memukul gendang dan membunyikan hon.

"Pendidikan adalah hak kita!" "Jangan tutup sekolah!" "Kami mahu ke sekolah!" antara ungkapan terpampang pada poster yang dibawa penunjuk perasaan.

Pada Rabu, Fernandez mengumumkan langkah sekatan baharu termasuk arahan pembelajaran dalam talian untuk tempoh dua minggu dan larangan pergerakan di ibu negara Buenos Aires dari 8 malam hingga 6 pagi.

Sehingga kini, lebih 138.81 juta orang di seluruh dunia telah dijangkiti COVID-19, dengan lebih 2.98 juta kematian, menurut Johns Hopkins University.

Argentina melaporkan lebih 2.62 juta kes dan kira-kira 59,000 kematian. - ©BERNAMA

Poland usir 3 diplomat Rusia

WARSAW, 16 April. - Poland mengusir tiga diplomat Rusia, kata Kementerian Luar dalam satu kenyataan pada Khamis, lapor agensi berita Xinhua.

Duta Rusia ke Warsaw, Sergey Andreyev, dipanggil dan dimaklumkan mengenai tiga petugas kedutaan kini dianggap sebagai Persona Non Grata.

"Keputusan itu diambil kerana petugas berkenaan didapati melanggar status diplomatik dan melakukan kegiatan yang merugikan Republik Poland," jelas kenyataan itu. - ©BERNAMA

"Kami rasa selamat di sini", kata Khatib Masjid Xinjiang

SHACHE, 15 April. - "Kami rasa selamat di sini (Xinjiang)", ujar Naib Setiausaha Agung Persatuan Islam Wilayah Autonomi Xinjiang China, Abdulweli Ablimit.

Dalam satu temu bual dengan Kumpulan Media China (CMG), beliau selaku Khatib Masjid Altun di kaunti Shache turut menyokong langkah kerajaan untuk membanteras golongan pelampau bagi melindungi agama yang sah di China.

Abdulweli menjelaskan, kerajaan berusaha untuk membanteras anasir jahat yang menyebarkan fahaman ekstrim agama,

melakukan kemusnahan, mencetuskan perpecahan dan bertindak sebagai pengganas.

Menurut beliau, anasir jahat bukan sahaja memesongkan doktrin dan peraturan agama Islam, tetapi juga menyangkal segala pandangan sekular dan hasil tamadun moden.

"Mereka turut menyingkirkan, menganiayai bahkan membunuh tokoh agama sehingga membawa malapetaka kepada rakyat Xinjiang termasuk masyarakat Islam dan turut mencemarkan imej Islam", kata Abdulweli lagi.

Tambah beliau, setakat ini, insiden kekerasan dan keganasan sudah tidak berlaku di Xinjiang selama lebih empat tahun berturut-turut.

"Rasa selamat, tenang dan bahagia yang dinikmati masyarakat pelbagai etnik di Xinjiang beberapa tahun kebelakangan ini membuktikan dakwaan 'kaum muslim Xinjiang ditahan kerana beragama' oleh individu dan media anti-China sama sekali bertujuan memutarbelitkan fakta dan sengaja mengada-adakan cerita," jelas Abdulweli. - ©BERNAMA

NATO ikut jejak langkah AS undur tentera dari Afghanistan

BRUSSELS, 15 April. - Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) pada Rabu bersetuju untuk menuruti jejak langkah Amerika Syarikat (AS) menarik balik semua tenteranya dari Afghanistan, lapor Agensi Berita Xinhua.

Washington sebelum ini mengumumkan akan menarik balik semua tenteranya menjelang 11 September.

AS menghantar tenteranya ke Afghanistan pada 2001 susulan serangan 9/11, diikuti sekutunya NATO, "untuk memerangi Al-Qaeda dan pihak yang | mahu menyerang AS," menurut satu kenyataan dikeluarkan selepas mesyuarat menteri luar

dan pertahanan NATO secara maya.

Sekutu NATO memutuskan pengunduran tentera dimulakan pada 1 Mei yang dijangka mengambil masa beberapa bulan untuk menyelesaikannya dan langkah itu akan dilaksanakan secara "teratur dan berperingkat."

"Jika Taliban menyerang tentera bersekutu semasa sedang berundur serangan balas yang padu akan dilancarkan.

"Pengunduran tentera bukan bermakna hubungan NATO dengan Afghanistan berakhir, sebaliknya, ia menandakan "bermulanya episod baharu," kata kenyataan itu.

Sementara itu Setiausaha Agung NATO Jens Stoltenberg pada sidang media bersama Setiausaha Negara AS Antony Blinken dan Setiausaha Pertahanan Lloyd Austin berkata "kami masuk ke Afghanistan bersama-sama dan kami berundur juga bersama-sama."

"Sekutu dan rakan pakatan akan terus teguh berdiri bersama rakyat Afghanistan, tetapi kini sudah tiba masanya untuk rakyat Afghanistan sendiri membina keamanan yang berkekalan," kata Stoltenberg.

Buat masa ini terdapat kira-kira 10,000 tentera NATO di Afghanistan. - ©BERNAMA

Canton Fair pacu dagangan antarabangsa

GUANGZHOU, 15 April. - Ekspo Import dan Eksport China ke-129 atau lebih dikenali Canton Fair membuka tirainya secara maya pada Khamis.

Jurucakap penganjur, Xu Bing berkata, kira-kira 60,000 gerai di 50 zon pameran disediakan kepada 26,000 syarikat dalam dan luar negara untuk memasarkan 2.7 juta produk merangkumi 16 kategori barangan.

Dalam satu sidang media di sini pada Rabu, Xu berkata jumlah produk tersebut sekali gus mencatatkan rekod baharu ekspo.

Sementara itu, sebanyak 340

syarikat dari 28 negara dan wilayah termasuk Kanada, Brazil dan Korea Selatan turut mempamerkan produk mereka di zon import.

Turut menjadi tumpuan kali ini ialah zon pameran khas bertemakan pembangunan desa disediakan secara percuma kepada syarikat-syarikat China dari kawasan yang baru keluar daripada belunggu kemiskinan untuk mempromosi produk dan menarik pelaburan.

Sejumlah 1,463 gerai percuma disediakan kepada sebanyak 1,160 syarikat dari 22 wilayah, wilayah

autonomi dan bandar untuk memasarkan produk masing-masing.

Produk itu termasuk barangan makanan, produk bercirikan tempatan, kraf tangan yang diperbuat daripada besi dan rotan serta bahan pembinaan dan perhiasan kediaman.

Xu berkata, peserta pameran kali ini bukan sahaja berpeluang menunjukkan gambar produk secara dalam talian, malah turut mengguna pelbagai teknologi seperti penstriman video secara langsung di internet, 3D dan VR. - ©BERNAMA

Bandar Da Nang Vietnam benarkan pihak asing beli rumah di 17 projek



DA NANG (Vietnam), 14 April. - Jabatan Pembinaan pusat bandar Da Nang menyenaraikan 17 projek perumahan komersial yang unitnya boleh dibeli mana-mana organisasi dan warga asing. Projek tersebut termasuk

Blooming Tower, kompleks Golden Square, kompleks Apartmen Quang Nguyen, kawasan bandar Thuy Tu, Menara Harmoni, dan Da Nang FPT Technological Urban Area, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Bandar ini juga melarang warga asing memiliki harta dalam tiga projek, iaitu kompleks F-Home Apartment, Menara Berlian Da Nang, dan Menara IndoChina Riverside. Jabatan itu mencadangkan

Jabatan Sumber Asli dan Alam Sekitar dan agensi-agensi berkaitan mengkaji semula pemberian lesen kepada

organisasi dan individu asing membabitkan projek yang dilarang untuk pembeli asing. - ©BERNAMA

Jumlah korban bot karam di Djibouti meningkat kepada 42

ADDIS ABABA, 14 April. - Angka kematian akibat bot karam baru-baru ini di pantai Djibouti meningkat kepada 42 orang, kata Pertubuhan Migrasi Antarabangsa (IOM) pada Selasa. "Sekurang-kurangnya 42 orang maut selepas sebuah bot sindiket penyeludupan manusia, mengangkut kira-kira 60 pendatang yang melarikan diri daripada konflik di Yaman, terbalik

dalam perjalanan ke Djibouti pada pagi Isnin," lapor Agensi Berita Xinhua memetik kenyataan IOM. Sekurang-kurangnya 16 kanak-kanak turut terkorban. Pada Isnin, IOM mengumumkan kira-kira 34 migran meninggal dunia dalam kejadian itu. "Meskipun berbahaya, jumlah pendatang yang tiba di Djibouti terus meningkat. Pada Mac, lebih 2,343 pendatang tiba dari Yaman,

berbanding 1,900 pada Februari," kata agensi itu. Menyedari keadaan migran di Yaman begitu tragis sehingga mereka tidak mempunyai pilihan selain bergantung pada penyeludup untuk pulang. Agensi itu menggesa kerajaan di sepanjang laluan berganding bahu dan menyokong usaha IOM untuk membolehkan pendatang pulang dengan selamat. - ©BERNAMA

Usaha China bendung wabak cetus peluang kerjasama global : The Lancet

BEIJING, 14 April. - Jurnal perubatan profesional Britain, The Lancet menerbitkan ulasan bertajuk "Usaha China Bendung Wabak COVID-19 Sediakan Peluang Kerjasama Global", yang mengimbau kembali pengalaman China dalam mencegah dan mengawal wabak tersebut. Menurut jurnal itu China berjaya mengawal kes baharu dan import, sehingga memulihkan kehidupan masyarakat dan ekonomi, selepas pembukaan semula bandar Wuhan. Meskipun masih terdapat kes

sporadik, namun dapat dikawal dengan berkesan, jelas artikel itu. The Lancet turut menyentuh mengenai iktibar yang boleh diambil ilmuwan antarabangsa daripada usaha pencegahan dan kawalan yang dilaksana China. Artikel itu menyatakan China melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk dalam pemeriksaan pesakit dan mengenakan kuarantin terhadap semua individu yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit. Tambahan lagi, saranan China kepada rakyatnya supaya tidak

mengadakan aktiviti pelancongan mendapat kerjasama padu semua lapisan masyarakat yang yakin dengan kemampuan kerajaan. The Lancet berpendapat kerjasama lebih berkesan berbanding perdebatan dalam sains dan kesihatan. Kini, apa yang diperlukan dunia untuk mendepani cabaran tatkala wabak masih merebak ialah respons serta kerjasama pelbagai negara, dan sekarang bukan masa untuk bertelagah. - ©BERNAMA

IMPORT, EKSPORT CHINA MENOKOK 29.2 PERATUS SUKU PERTAMA 2021

BEIJING, 14 April. - Jumlah import dan eksport perdagangan komoditi China menyaksikan peningkatan 29.2 peratus pada suku pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu. Data rasmi Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GAC) pada Selasa menunjukkan, eksport menokok sebanyak 38.7 peratus, manakala import berkembang 19.3 peratus. Menurut maklumat Pejabat Penerangan Dewan Negara China pula, ASEAN berjaya mengekalkan status sebagai rakan dagang terbesar China untuk tempoh sama, diikuti Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat (AS) dan Jepun. Statistik turut menunjukkan, jumlah import dan eksport antara China dengan ASEAN mencatat RMB1.24 trilion (RM782 bilion)

pada suku tahun pertama, meningkat 26.1 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu. Import dan eksport dengan EU, AS dan Jepun pula masing-masing direkodkan sebanyak RMB1.19 trilion (RM751 bilion), RMB1.08 trilion (RM681 bilion) dan RMB561.42 bilion (RM354 bilion), memperlihatkan peningkatan 36.4 peratus, 61.3 peratus dan 20.8 peratus. Selain itu, jumlah import dan eksport antara China dengan negara terlibat dalam Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) serta rakan dagang Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) turut merekodkan pertumbuhan sebanyak 21.4 peratus dan 22.9 peratus. Seiring dengan program pemvaksinan dilaksana di lebih

banyak negara dan wilayah, dunia kini menunjukkan tanda pemulihan ekonomi. Di samping itu, China pula terus menyaksikan pemulihan pengeluaran perindustrian, pelaburan dan penggunaan, selain usaha pencegahan dan kawalan pandemik COVID-19 terbukti berkesan serta ekonomi terus berkembang. Difahami kesemua faktor itu menjadi pendorong utama dalam peningkatan perdagangan luar China. China dipercayai akan terus mengamalkan dasar pembaharuan dan pintu terbuka, mewujudkan lebih banyak syarat bagi mengekalkan peningkatan perdagangan luar, sekaligus membantu ekonomi global pulih dengan stabil. - ©BERNAMA

Mesir sita kapal halang Terusan Suez, minta pampasan US\$900 juta

KAHERAH, 14 April. - Sebuah mahkamah Mesir memutuskan kapal kontena Ever Given disita sehingga pemiliknya membayar US\$900 juta kepada Pihak Berkuasa Terusan Suez (SCA) sebagai ganti rugi kerana menghalang laluan penting itu selama hampir seminggu, lapor Sputnik memetik akhbar Shorouk News. Permohonan menyita kapal itu dikemukakan SCA di mahkamah ekonomi Ismailia. SCA menuntut kapal itu ditahan sehingga semua perbelanjaan penyelamat dan penyelenggaraan, serta kos kerugian lalu lintas sepanjang enam hari dibayar sepenuhnya. Kapal yang berdaftar di Panama itu kini ditempatkan di bawah pengawasan mahkamah, selaras dengan Artikel 6 Undang-Undang dagangan maritim Mesir, hingga operator memenuhi tuntutan SCA, menurut laporan itu. Pegawai mahkamah dilaporkan akan ke lokasi kapal itu berlabuh di Tasik Bitter pada Selasa untuk memaklumkan perkara berkenaan kepada kru kapal. Ketua SCA Osama Rabie memberitahu akhbar Youm7 Mesir, kejadian Ever Given tersadai di Terusan Suez itu masih dalam siasatan dan rumusannya dijangka diumumkan pada Khamis. Pihak berkuasa menganggarkan jumlah kerugian perdagangan global akibat kejadian itu bernilai US\$1 bilion. - ©BERNAMA

Arianespace anjur Pertandingan Projek Satelit, tawar tiket ke angkasa lepas

SINGAPURA, 14 April. - Arianespace menganjurkan pertandingan projek satelit oleh pemula teknologi angkasa, makmal atau universiti dan pemenang pertama berpeluang melancarkan satelit mereka secara percuma menerusi misi perkongsian perjalanan. Syarikat perkhidmatan pelancaran Eropah itu dalam satu kenyataan hari ini berkata pertandingan ini dianjurkan sempena pameran inovasi Viva Technology 2021 (VivaTech) pada Jun. Pasukan yang mengambil bahagian perlu meyakinkan pihak juri Arianespace dengan mengetengahkan potensi aplikasi mereka. Projek akan dinilai berdasarkan kemampuan meningkatkan kehidupan di Bumi atau memajukan pengetahuan manusia. Kriteria lain termasuk reka bentuk satelit, yang harus serasi dengan misi perkongsian perjalanan, dan tanggungjawab eko, katanya. Peserta diberi masa sehingga 14 Mei untuk menyerahkan projek mereka. Arianespace akan memilih lima finalis, pemenang akan diumumkan pada majlis pembukaan VivaTech, 16 Jun 2021. - ©BERNAMA

Maidam agih bantuan lebih RM13 juta bermula minggu depan

KUALA TERENGGANU, 14 April. - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) akan mengagihkan zakat sebanyak RM13,495,300 kepada 22,857 Ketua Isi Rumah (KIR) bermula minggu depan. Yang Dipertua Maidam, Datuk Osman Muda berkata pada tahun ini Maidam bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan zakat kerana memahami kesusahan yang dihadapi oleh asnaf dalam kegetiran ekonomi akibat pandemik COVID-19 yang masih belum pulih sepenuhnya ketika ini. "Oleh itu, kadar bantuan zakat dinaikkan dari RM400 kepada RM500 bagi bilangan isi rumah tiga orang dan ke bawah termasuk KIR manakala bagi isi rumah empat orang ke atas, kadarnya dinaikkan dari RM600 kepada RM700. "Bayaran akan diagihkan dengan kaedah wang tersebut terus dimasukkan kepada akaun bank penerima dan berharap ia dapat meringankan sedikit bebanan yang dihadapi mereka," katanya dalam satu kenyataan hari ini. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

BADMINTON adalah sukan raket yang dimainkan menggunakan raket untuk memukul *shuttlecock* melintasi jaring. Sukan ini boleh dimainkan secara individual (*singles*) ataupun regu (*doubles*). Permainan formal dimainkan di gelanggang tertutup atau dalam bangunan segi empat tepat. Mata diperoleh dengan memukul *shuttlecock* dengan raket dan mendaratkannya di bahagian lawan.



ePaper Pelita Brunei

PERKEB RAIKAN 8 KENSHI



KENSHI-kenshi Persaudaraan Shorinji Kempo Brunei yang diraikan dalam sesi bergambar ramai (atas), manakala gambar kanan, persembahan pasangan Embu Putera menyerikan Shorinji Kempo Day yang berlangsung di Perkhemahan Taman Rekreasi, Hutan Simpan Berakas.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Khamis, 15 April. - Persaudaraan Shorinji Kempo Brunei (PERKEB) meraikan kenaikan tingkat bagi lapan orang Kenshi dengan Majlis Penyampaian Sijil Kyu 5, pada Shorinji Kempo Day, yang berlangsung di Perkhemahan Taman Rekreasi, Hutan Simpan Berakas, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan Penyampaian Sijil, Ketua Cawangan Belia dan Sukan Daerah Belait, Awang Mohd. Shahjohan bin Haji Shari.

Manakala acara penukaran *belt* kenaikan pula disempurnakan oleh Presiden PERKEB, Pengiran Haji

Mohd. Rusdi Wasni bin Pengiran Haji Md. Daud.

Majlis juga diserikan lagi dengan Persembahan Kihon dan Ken daripada para kenshi, melalui Embu Puteri, Embu Putera, Embu Waza Puteri, Embu Waza Putera, Embu Solo dan Embu Pasangan Putera.

Terdahulu, Presiden PERKEB mengongsikan, antara lain tujuan majlis kenaikan tingkat diadakan adalah untuk memberi galakan dan semangat kepada Kenshi-kenshi yang rajin dan ingin mempelajari seni bela diri Shorinji Kempo, di samping mencari bakat baharu bagi mewakili negara untuk perlawanan di dalam atau luar negara.

Setakat ini, tambahnya, seramai hampir 200 orang Kenshi sudah mendaftar kepada PERKEB, termasuk warga asing yang mengikuti latihan di Kompleks Sukan Menglait.

Beliau, seterusnya, mengucapkan penghargaan kepada senpai Mohammad Afiq Jazimin bin Jaslen, atas usaha dan dedikasi beliau dalam mengajar kenshi-kenshi di sekolah-sekolah tanpa mengira penat lelah dan kepada Naib Presiden PERKEB, Pengiran Haji Matali bin Pengiran Haji Md. Daud, yang masih aktif memberikan ilmu dan bersemangat untuk menjadikan Kenshi baharu sebagai pelapis dalam memperjuangkan seni bela diri Shorinji Kempo.

Majlis yang juga diadakan pada hari sebelumnya, diungayahkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa PERKEB bagi mengeratkan lagi hubungan baik dan persaudaraan sesama keluarga kenshi.

Majlis turut dihadiri oleh para ibu bapa dan guru-guru Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam.

SENGKURONG, Rabu, 14 April. - Sukan badminton di negara ini sering menjadi pilihan dalam penganjuran perlawanan atau kejohanan di peringkat komuniti setempat yang setentunya mempunyai peringkat kemahiran dan usia yang berbeza, namun mampu memberikan saingan dalam suasana yang kompetitif.

Sehubungan itu, pengguna-pengguna Dewan Badminton Satenaga di Kampung Tanjong Nangka menganjurkan Perlawanan Badminton Berpasukan yang berakhir baru-baru ini sejak bermula pada 2 April yang lalu.

Sebanyak 10 pasukan menyertai perlawanan tersebut yang dibahagikan kepada dua kumpulan dan mempertandingkan sebanyak empat kategori iaitu Beregu Lelaki Veteran; Beregu

Campuran (pasangan lelaki berumur 50 tahun ke atas); Beregu Lelaki Terbuka dan Beregu Wanita Terbuka dengan menggunakan format liga.

Pada perlawanan peringkat akhir, Pasukan Bujang Pahang telah berjaya mengalahkan Pasukan Bukit Pagon dengan 3 - 1 setelah Pasukan Beregu Wanita Bujang Pahang mengatasi pasukan lawan dalam set penentuan (set ketiga) dengan kiraan 21-19.

Johan menerima hadiah berupa wang tunai, *shuttlecock* jenama Okalin dan hadiah-hadiah tajaan berupa makanan

harian yang disampaikan oleh penaja perlawanan, Awang Frankie Ngu.

Antara tujuan perlawanan diadakan ialah bagi mengeratkan silaturahim dalam suasana permainan yang santai dan menyeronokkan, di samping itu juga meningkatkan kerjasama dan persefahaman sesama pemain dan pasangan masing-masing.

Setiap pasukan pula menggunakan nama-nama bukit dan taman rekreasi di Negara Brunei Darussalam bagi mengingati kedudukannya sebagai taman-taman

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

riadah seperti Bukit Sipatir; Bukit Tempayan Pisang; Bukit Mejawa; Bukit Silat; Bukit Kamser; Bukit Pagon; Bukit Patoi; Bukit Saeh; Bukit Shahbandar dan Bukit Bujang Pahang.

Pasukan Bujang Pahang johan

Tahukah Awda

JALAN raya pertama di Brunei. Dengan terbinanya Bubungan Dua Belas, maka jalan raya penghubung utama perlu ada untuk menuju ke pejabat dan rumah kediaman Residen British di Brunei. Oleh yang demikian seawal tahun 1907, jalan raya ataupun lalu lintas (*footpath*) yang teratur telah mula dibina iaitu jalan menuju ke pejabat dan kediaman (Residency) Residen British, yang terletak di Jalan Subok dengan Bandar Brunei.

SUMBER : Majalah Pusaka (Januari - April 2012).



ANTARA aksi pada Perlawanan Badminton Berpasukan anjuran pengguna-pengguna Dewan Badminton Satenaga di Kampung Tanjong Nangka.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DIDIK JIWA, ROHANI KITA KE ARAH KEBAIKAN

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نڠارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam